

SITUASI
Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani
SITUASI
siri
4



Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : ZulHijjah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad



SITUASI

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

-siri 4-

Daftar Isi

Sekapur Sireh	*1*
Hikayat -1	*4*
Hikayat -2	*6*
Hikayat -3	*8*
Hikayat -4	*10*
Hikayat -5	*14*
Hikayat -6	*19*
Hikayat -7	*22*
Hikayat Awliya	*25*
Situasi -1	*29*
Situasi -2	*31*
Situasi -3	*33*
Situasi -4	*36*
Situasi -5	*38*
Situasi -6	*42*
Situasi -7	*45*
Situasi -8	*49*
Situasi -9	*55*
Situasi -10	*60*
Situasi -11	*63*
Situasi -12	*67*
Situasi -13	*71*

Berat & Taklif Bagi Yang Bertasawuf 74

Manaqib Quthb Awliya
Al-Imam An-Nawawi 96



Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh



الحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri keempat dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسِّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-





Hikayat -1

1 Mac 2013

Ada seorang teman saya yang Insya ALLAH jujur orangnya bercerita: “Saya pernah berada di Perancis… di kota Paris. Sengaja saya pergi ke kawasan yang ramai populasi muslimnya untuk melihat hal ehwal dan keadaan mereka di negara baru mereka. Tentunya sebahagian mereka adalah muslim kelahiran Paris dan membesar di situ. Saya pun masuk ke sebuah kedai runcit yang menjual produk makanan, saya dapati tuan kedainya seorang muslim yang berjanggut lebat.

Tiba-tiba ada seorang kawannya masuk lalu berkata: “Semalam aku berada bersama jemaah si polan dan mereka semua mengkafirkan awak”, spontan tuan kedai menjawab: “Kalau begitu aku panggil jemaahku dan kami akan mengkafirkan mereka”… dengan amat mudah begitu dan amat sentengnya…

Kawan saya yang bercerita menangis sambil menyebut tentang ehwal umat Islam yang hanyut entah ke mana. Kata beliau: “Masih adakah peluang untuk kita kembali kepada Islam yang mencintai dan dicintai, Islam yang manis, Islam yang indah, Islam yang tinggi, Islam yang bernilai agung, Islam yang suci, Islam yang mensucikan, Islam yang murni…



Hikayat -2

1 Mac 2013

Seorang teman (yang sama dalam perjalanan Akhirat Insya Allah) dan dia bukannya penarik (ke neraka waliyadzubillah) bercerita: "Dalam satu pengembaraan saya di negara Czech (kembara cara para solihin zaman-zaman dahulu) di salah sebuah kotanya yang tidak membenarkan pembinaan masjid tapi memberi kebenaran untuk membuat zawiyah. Saya pergi ke sebuah rumah yang didirikan solat Jumaat padanya. Rumah itu telah dibeli oleh komuniti Islam di situ untuk dijadikan masjid dan tempat meraikan sambutan mereka.

Alhamdulillah saya dapat menunaikan solat Jumaat dengan komuniti Islam di situ dengan lewat waktu sebab keterikatan mereka dengan jam kerja (dan juga sebab yang beri fatwa membolehkan), apabila selesai saja kami dari solat Jumaat berkumandanglah pula azan Asar dan kami pun sama-sama berjemaah menunaikan solat Asar walhamdulillah.

Teman saya ini berkata: "Makmum di sebelah saya seorang warga tempatan yang baru masuk Islam. Dia masuk Islam kerana perkahwinannya dengan seorang wanita asal Rusia. [Sebelum berkahwin] wanita itu berkata kepadanya: Kami orang Islam dan mas kahwin untuk saya ialah awak masuk Islam".

Teman saya menangis sambil berkata kepada saya: "Tengok… dunia ini masih dalam kebaikan. Kita sebenarnya yang hidup dalam kejahilan bertumpuk-tumpuk, penuh kekurangan sambil mengaku kononnya kita dah pandai sangat, tahu serba-serbi dan konon kita yang paling baik.

"Entah-entah kita orang Islam yang tinggal di negara sendiri dan negara Islam… sebenarnya muslim yang paling jauh… paling corot… Kita harap mudah-mudahan kita tak masuk dalam golongan yang diazab dan dihalau dari rahmat ALLAH yang amat luas… tak jadi golongan yang dihalau dari mendapat kurniaan ALLAH yang Amat Agung… ya Robbi kurniakanlah tutupan dan kemaafanMu… taubatkan kami dan terimalah kami ya Robbana…



Hikayat -3

1 Mac 2013

Seorang teman bercerita kepada saya : “Di sebuah negara orang Islam saya telah bertemu dengan seorang syeikh tareqat sufi Islami sunni. Syeikh ini popular di negaranya. Beliau mengadakan sambutan besar-besaran tiap tahun bagi merayakan Maulid Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم. Muridnya ramai dan Tuan Syeikh ini رضي الله عنه وأرضاه malamnya qiyam dan siangnya puasa sejak lebih dua puluh tahun.

Pada tahun sekian saya telah pergi untuk menziarahi Tuan Syeikh di Zawiyahnya yang diberkati dan penuh keberkatan lalu mendapatinya berkunci dan syeikh menulis di pintunya sepotong ayat Al-Quran yang berbunyi:

وَإِن قِيلَ لَكُمُ ارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَى لَكُمْ وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ.

"Dan jika dikatakan kepadamu balik, maka baliklah. Yang demikian itu lebih baik bagimu, dan ALLAH maha mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan".

"Saya menangis dan pergi bertemu dengannya -sememangnya antara kami berdua ada mahabbah yang erat-, maka kata tuan syeikh:

"Apa boleh buat anakku… aku tak mampu mendapat walau seorang murid sejati yang mahu menerima didikan, pemurnian dan pembelajaran…"

kelihatan air mata berkucuran di pipi tuan syeikh…". *Inna lillahi wa inna ilaihi roji'un*… ya Robbana, balutilah luka hati Tuan Syeikh ini, tunaikanlah harapannya pada anak-anaknya dan balutilah luka hati kami sekalian… Allahumma amin, amin, amin, amin.



Hikayat -4

1 Mac 2013

Seorang saudara kerana ALLAH lagi teman di jalan Akhirat bercerita kepada saya: "Antara keajaiban yang saya saksikan dalam kembara saya ke negara-negara dunia ialah satu pengalaman waktu saya berada di sebuah negara orang Islam.

Saya berkenalan dengan seorang syeikh yang merendah diri dan simple, namun beliau itu tinggi kedudukan, mencintai zikir dan mengasihi ahli zikir. Syeikh ini membelanjakan harta peribadinya untuk memakmurkan zawiyah-zawiyah, untuk memesrakan antara hati-hati manusia demi mahabbah kerana ALLAH Subhanahu wa Taala dan mahabbah RasulNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم serta mahabbah para solihin dan awliya'.

Syeikh ini mengembangkan majlis khatam Al-Quran dan menjadi penggalak kepada tersebarnya majlis selawat dan salam kepada Junjungan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Tiap majlis yang

dianjurkan oleh Tuan Syeikh ini akan berlangsung tidak kurang dari lima jam dan semua hadirin mahu waktu tambahan. Suasana rohaniah dalam majlis Syeikh ini memang menakjubkan. Semua hadirinnya takkan berganjak melainkan Tuan Syeikh beredar terlebih dahulu, barulah hadirin bersurai.

Di pihak yang lain pula saya bertemu seorang muda yang mendakwa dirinya syeikh pemimpin tareqat dan dia kononnya keturunan wali-wali. Saya telah hadir ke majlis syeikh muda ini yang hanya berkisar nasyid-nasyid pujian dan ucapannya yang dibaca dari kertas yang dikeluarkan dari poketnya (dia dengan ucapannya dan hadirinnya dengan hal masing-masing). Kebanyakan hadirin majlisnya terdiri dari golongan atasan bandar tersebut.

Selepas ucapannya majlis bertukar menjadi acara sembang politik, isu semasa dan gelak ketawa sambil syeikh muda ini menghisap rokok, bagi sesiapa yang mahu merokok boleh merokok sedangkan majlis belum tamat.

Masalahnya syeikh muda ini mengingkari syeikh yang pertama tadi sambil bercakap tentang dirinya: “Saya telah melawat berbagai negara dan hadir di berbagai majlis zikir di dunia antarabangsa… tidak ada pun majlis yang melebihi dua jam! Syeikh polan itu sebenarnya penipu besar, kalau zikir banyak-banyak boleh mengakibatkan gila!... Saya nasihati tuan-puan

sekalian selaku orang-orang atasan di negara ini untuk menghalau syeikh polan itu dari negara tuan-tuan kerana dia orang asing!”…syeikh muda ini terlupa yang dirinya juga orang asing.

“Melihatkan begini keadaannya umat yang awam dan yang mendakwa dirinya punya keistimewaan saya menangis sendiri. Secara warasnya patutkah kita mengatakan orang asing kepada seorang Islam yang berada di negara Islam yang bukan tanah airnya? Kemudian bagaimana pula kita memahami, menjelaskan dan mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran yang menggalakkan amalan zikir sebanyak-banyaknya dengan berbagai bentuk zikir?... Di sini bukan tempatnya untuk mengkhususkan kepada sesiapa (tiap syeikh dengan murid-muridnya masing-masing):

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللهَ ذِكْرًا كَثِيرًا).

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu berzikir mengingati ALLAH dengan zikir yang banyak” Al-Ahzaab: 41

(واذْكُرُواْ اللهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ).

“Dan hendaklah kamu berzikir kepada ALLAH dengan banyak mudah-mudahan kamu berjaya” Al-Anfaal: 45

(فَاذْكُرُواْ اللهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا).

"...maka berzikirlah mengingati ALLAH seperti ingatanmu kepada nenek moyangmu bahkan dengan zikir yang terlebih kuat dari itu" Al-Baqarah: 200

(وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ).

"... dan sesungguhnya zikir mengingati ALLAH adalah lebih besar (faedah dan kesannya)..." Al-Ankabut: 45

(أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَن تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللهِ).

"Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka kepada zikir mengingati Allah?" Al-Hadid: 16



Hikayat -5

1 Mac 2013

Seorang teman menceritakan kepada saya: "Bersama syeikh saya kami telah musafir ke sebuah negara untuk menziarahi murid-muridnya. Tanpa susun atur terlebih dahulu tiba-tiba seorang syeikh yang mulia menjemput kami (beliau sudah berusia lanjut) tapi Masya ALLAH tubuhnya masih tegap dan kuat Walhamdulillah.

Orang yang mengaturkan pertemuan tiba-tiba itu sebenarnya bertujuan mahu menguji syeikh saya…

Kami pun pergi menghadiri jemputan itu dan di sambut oleh syeikh tuan rumah. Sebaik saja duduk syeikh tuan rumah mula menguji syeikh saya dengan berbagai soalan yang tak munasabah ditanyakan dalam pertemuan pertama antara mereka berdua. Syeikh saya hanya mendengar dengan teliti dan tidak menjawab.

Syeikh tuan rumah adalah seorang tokoh besar dalam arena sufi -seperti kata orang mengenainya- dan

masih lagi mencari tentang *fath* dan *futuh*. Dia asyik bertukar jemaah sufi, dari satu tareqat ke tareqat yang lain, dari jemaah dakwah kepada jemaah Tabligh dan lain-lain jemaah.

Saya ingat tiga point yang menjadi asas serangan sengitnya terhadap syeikh saya:

1- Wajib bagi ahli tasawuf berhenti dari menggunakan istilah *bai'ah* dan *mubaya`ah* (sumpah setia) kepada syeikh. Sedangkan bai`ah hanya untuk pemerintah yang berkuasa. Maknanya istilah bai`ah sekarang hanya untuk ahli politik, bukan untuk ahli sufi.

2- Tiada wujud apa yang dikatakan sebagai futuh atau fath dalam tasawuf. Saya dah seumur hidup beramal zikir tak dapat pun fath. Kamu ada fath dan futuh???? Cabaran besar…

3- Apa istilah yang aneh-aneh ini?! Ghaust, quthb, abdal, nujaba' dan macam-macam nama lagi…

Demikianlah syeikh tuan rumah terus menyerang dengan ganas sedari awal kami sampai dan duduk di majlisnya".

Teman yang bercerita ini berkata kepada saya: "Melihat ehwal masyaikh zaman sekarang saya menangis sendiri …(maaf… sebenarnya mereka mendakwa diri syeikh… alangkah ramainya mereka ini). Syeikh saya terus mendengar apa kata tuan rumah

dan tidak memotong cakapnya. Setelah selesai syeikh saya pun mahu beredar maka mengujarlah tuan rumah: "Kami masih belum mendengar ucapan dari tetamu kami ini".

Syeikh saya membalas: "Tuan telah bercakap semua perkara, tiada baki untuk saya ucapkan lagi… tuan syeikh al-fadhil yang mulia… demikianlah rezeki tuan… sudah demikian kefahaman tuan, jadi apa lagi yang harus saya katakan?

"Tuan, Robbuna Subhanahu wa Taala berfirman dalam Al-Quran surah Saiyidina Yunus عليه الصلاة والسلام:

﴿وَاللّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلامِ وَيَهْدِي مَن يَشَاء إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ﴾.

"ALLAH menyeru kepada negeri keselamatan (Akhirat) dan dia memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus".

…dan inilah dia dakwah seruan para junjungan masyaikh sufi.

Robbuna Subhanahu wa Taala berfirman lagi dalam ayat lain di surah yang sama:

﴿وَإِن يَمْسَسْكَ اللّهُ بِضُرٍّ فَلاَ كَاشِفَ لَهُ إِلاَّ هُوَ وَإِن يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلاَ رَآدَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ

الْغَفُورُ الرَّحِيمُ)

"Jika ALLAH mengujimu dengan suatu mudarat maka tiada siapa yang dapat menyingkapnya darimu melainkan Dia.

Jika ALLAH mahu memberimu suatu kebaikan maka tiada siapa yang dapat menghalang kurniaNya itu.

ALLAH memberi kurnia kepada siapa yang dikehendakiNya dari kalangan hambaNya dan Dialah Tuhan yang maha pengampun lagi Maha Penyayang".

… yang demikian inilah tasawuf Islami yang sunni.

Ya tuan syeikh, apa yang telah diperkatakan tadi semuanya untuk golongan khawas (istimewa) dan golongan khawasul khawas kalangan ahli ALLAH… saya dan orang yang semacam saya tidak layak untuk berbicara atau menyelaminya.

Harap tuan dapat maafkan saya dan terima kasih atas undangan ini".

Dalam perjalanan pulang syeikh berkata kepada saya: "Demi ALLAH saya mengasihi dan memahami syeikh tuan rumah tadi. Masalah beliau wahai anakku ialah syeikhnya yang memberinya ijazah menjadi syeikh adalah orang yang tidak mendapat izin untuk menjadi syeikh dalam tasawuf".

Fakta ini saya dengar dari syeikh kami dan junjungan kami -moga ALLAH meredhoi mereka semua dan menyampaikan keredhoan buat mereka-.



Hikayat -6

6 Mac 2013

Teman saya bercerita : "Dalam satu lawatan ke sebuah negara Islam saya amat gembira kerana ada zawiyah sufi di sana. Saya dibenarkan untuk hadir ke majlis mingguan mereka. Alhamdulillahsyukur pada Allah; majlis zikir dan majlis maghfiroh ada di merata tempat di dunia. Robbana bagiMu segala puji dan syukur ya Robbana.

Masya ALLAH TabarokALLAH malam itu diberkati dan penuh keberkatan, selepas majlis saya bertemu dengan syeikh zawiyah tersebut. Orangnya alim, diberkati, ada nafhat, pecinta dan asyik dengan ALLAH Subhanahu wa Taala, dengan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan seluruh Ahlul Bait, dengan seluruh sahabat dan Ummahatul Mukminin dan dengan seluruh awliya' solihin.

Syeikh tersebut juga amat cinta dan fana' dengan guru dan tareqatnya, dalam masa yang sama beliau juga mentakzim dan hormat kepada semua tareqat dan

syeikh-syeikh lain -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-. Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH atas kurnia dan nikmat besar sebegini.

Tapi saya dapati mereka mentakzim (tanpa sedar) ahli engkar dan golongan mungkirin serta pihak yang mengkafirkan junjungan ahli sufi. Bahkan saya dapati buku-buku ahli engkar amat banyak terdapat di zawiyah itu dan dibahagi-bahagikan kepada pengunjungnya. Lebih dari itu saya dengar ahli zawiyah itu juga berbangga mendengar dan meniru tilawah Al-Quranul Karim cara ahli engkar… kata mereka tilawah begitu ada khusyuk…

Malang kerana mereka tidak tahu bahawa ahli engkar sebenarnya bermain lagu dalam tilawah (sekadar lagu, atau tanpa menyebut makhraj huruf dengan soheh, atau mengubah hukum hakam) lagi sesungguhnya ahli engkar juga merekacipta bermacam tilawah cara baru yang tidak membezakan antara lelaki dan perempuan, atau tilawah mereka adalah fesyen tangisan dan ratapan kepada mayat.

Saya menangis mendapati hal umat jadi begini dan sudah perginya alim-ulama yang 'amilin".

Teman saya meneruskan ceritanya: "Saya jadi teringat kata-kata Saiyidina Syeikh: "Wahai anak-anakku yang lelaki dan perempuan, kalaupun semata-mata kamu hanya menyentuh buku-buku ahli engkar (kerana buku-buku itu menyeleweng isinya lagi dusta.

Benar, dalam buku-buku itu ada juga ayat-ayat dan hadis-hadis… namun ia tidak dengan kefahaman Ahlus Sunnah Wa Jamaah… sebaliknya diolah dengan akal ahli kesesatan dan engkar, pihak yang sempit pemikiran, mereka yang berfahaman melencong dari yang benar, pihak yang berpenyakit benci dendam terhadap Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم, mereka yang hasad dengki terhadap Ahlul Bait, pihak yang membenci sahabat dan mereka menyuntik racun melalui buku-buku mereka dengan diselia oleh syaitan-syaitan mereka)… maka saya bimbang cahaya iman akan lenyap dari hati kamu.

Dan jika kamu bercakap dengan takzim dan sayang kepada mereka maka hendaklah kamu memperbaharui wudhuk kamu".



Hikayat -7

6 Mac 2013

Teman saya bercerita : "Pernah saya berada di satu negeri Muslimin –walhamdulillah- dapat berkenalan dengan orang-orang soleh. Mereka mempermuliakan saya berziarah dan menghadiri majlis-majlis mereka yang bercahaya. Dalam majlis-majlis itu ada berbagai ragam zikir mengikut masyrab (citarasa) para *salikin* penempuh jalan Akhirat, di dalamnya ada berbagai keajaiban, nilaian yang tak terhingga, ketakjuban yang berharga.

Walhamdulilillah syukur pada ALLAH yang telah menjadikan berbagai-bagai jalan, madrasah, zirkir, hizib, asma', berbagai macam selawat atas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dan khatam Al-Quran sebagai rahmat kepada umat yang dirahmati, umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم. Robbana bagimu puji dan syukur.

Selagi ada majlis-majlis zikir dan para ahli zikir masih ada, Alhamdulillah ertinya kita berada dalam

kebaikan yang bersar. Tapi bila mereka semua pergi… jadilah kita sejahat-jahat makhluk.

(بلِ السَّاعَةُ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةُ أَدْهَى وَأَمَرُّ).

"Bahkan hari Kiamat adalah masa pertemuan, dan Kiamat itu lebih huru-hara dan lebih pahit".

Pada satu hari saya telah diundang oleh seorang khalifah bagi seorang syeikh besar, masyhur dan terhormat ke majlis zikir dan pengajiannya. Istilah khalifah itu dalam sesetengah tareqat itu ertinya dalam sesetengah tareqat lain ialah muqaddam atau naib bagi syeikh yang mengendalikan majlis di suatu negeri/ tempat. Khalifah ini tiada hak untuk menjadi mursyid atau membimbing suluk (tarbiyyah). Boleh juga kadang-kadang syeikh memberi izin kepada khalifah itu untuk sekadar memberi talqin wirid am sahaja.

Pada satu hari saya telah diundang oleh seorang khalifah bagi seorang syeikh besar, masyhur dan terhormat ke majlis zikir dan pengajiannya. Istilah khalifah itu dalam sesetengah tareqat itu ertinya dalam sesetengah tareqat lain ialah muqaddam atau naib bagi syeikh yang mengendalikan majlis di suatu negeri/ tempat. Khalifah ini tiada hak untuk menjadi mursyid atau membimbing suluk (tarbiyyah). Boleh juga kadang-kadang syeikh memberi izin kepada khalifah itu untuk sekadar memberi talqin wirid am sahaja.

Kemudian khalifah memberitahu kepada para jemaahnya agar bersiap-siap untuk majlis zikir. Sesudah itu dia pberpaling kepada saya lalu berkata : "Sekarang awak pergilah balik, awak tak boleh hadir majlis zikir kami". Saya tanya kenapa pula Tuan? Dia jawab : "Kerana awak bukan dari tareqat kami dan bukan golongan kami".

Subhanallah. Wallahi saya hadir bukan untuk makan malam, tapi untuk zikir. Tuan muliakan saya dengan makan malam dan halau saya dari zikir".

Saya menangis, menangis dan masih rasa pedih.

Saya menangisi diri saya kerana tidak layak untuk menghadiri majlis mereka yang penuh berkat.

Saya menangisi mereka kerana mereka tidak mewakili Tasawuf, tidak mewakili kaum sufi dan mereka juga bukan dari kalangan ahli zikir.

Kerana Tasawuf Islami yang Sunni adalah zauq, akhlak, adab, aadab serta menjaga hati manusia… *wala hawla wala quwwata illa billahil `aliyyil `azhim, wa inna lillahi wa inna ilaihi roji`un*.



Hikayat Awliya’

Tuan-puanku yang terhormat,

Sidi Ahmad Hijab رَضِيَ اللهُ عَنهُ merupakan seorang tokoh yang pusaranya di halaman Sidi Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُ, beliau menyebut dalam kitabnya yang indah pada muka surat pertama… kitabnya berjudul

العظة والاعتبار آراء

في حياة سيدي أحمد البدوي الدنيوية والبرزخية

Pengajaran dan Iktibar

Dari Berbagai Sudut Kehidupan

Sidi Ahmad Al-Badawi Ketika Di Dunia

dan Di Alam Barzakh

Di muka surat pertama kitab itu beliau berkata: “Ketahuilah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah. Dan ketahuilah

bahawa tauhid itu takkan diterima melainkan dengan Muhammad Rasulullah lalu bagaimanakah akan jadi musyrik orang yang bertawassul dengan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ untuk memohon kepada Allah Subhanahu wa Taala…".

Wahai sekalian orang waras, wahai para pemikir umat! Bangunlah sekarang, sudah amat lamanya tidur dan kehilangan ini, sudah begitu panjangnya dilenyapkan dan pengasingan ini.

Kisah ini dihikayatkan kepadaku oleh Sidi Professor Dr. Manee' As-Syazili putera Sidi Al-Imamul Akbar Abdul Halim Mahmoud رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا. Ketika penceritaan itu aku bersamanya dalam satu kereta untuk berziarah kepada Sidi Ahmad Al-Badawi di Kota Thantha. Sidi Manee' bercerita: "Ketika ayahndaku رَضِيَ اللهُ عَنهُ menyandang jawatan Syeikhul Azhar beliau pernah datang pada satu hari menziarahi Sidi Ahmad Al-Badawi رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا. Ayahndaku itu memang banyak berziarah ke makam-makam awliya'.

"Ketika ayahnda sampai ke Masjid Sidi Al-Badawi beliau melihat sekumpulan wanita setengahnya berpakaian biasa dan setengahnya berpakaian terbuka… ayahnda pun berubah mood, kata ayahnda: "Apa ini?! Nampaknya kita nak kena beri mereka wang supaya mereka berpakaian yang sepatutnya". Maksudnya ayahnda marah melihat keadaan begitu di tempat ini. Apabila masuk ke masjid kami disambut

oleh Sidi Ahmad Muhammad Hijab رَضِيَ اللهُ عَنهُ dan selepas berziarah kami pun duduk di ruang tamu.

"Sidi Ahmad Hijab lalu memandang kepadaku seraya berkata: "Wahai anakku Manee', ambil mashaf itu dan bukalah, kemudian bacalah halaman yang kau buka nanti", aku pun membuka mashaf lalu mendapati Surah Thoha. Aku pun membaca:

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ. بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. طه (1) مَا أَنزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَى (2) إِلاَّ تَذْكِرَةً لِّـمَن يَخْشَى...

"Tho Ha. Kami tidak menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) agar engkau menanggung kesusahan. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang-orang yang takut melanggar perintah Allah..." :1-3

[Apabila sampai ke ayat ini] beliau mengujar: "Berhentilah Manee'...", lalu berpaling kepada ayahndaku As-Syeikh Abdul Halim seraya berkata: "Ya maulana, sudah datang jawapan kepadamu", ayahnda menjawab: Benar... sekarang aku mengerti".

Sidi Manee' mengulas peristiwa ini: "Semua yang hadir di ruang tamu itu tidak faham suatu apa pun termasuklah aku jika kalau bukan kerana selepas itu ayahnda mengkhabarkan apa yang terlintas di benak

hatinya ketika masuk ke masjid dan bagaimana beliau mendapat jawapan… beliau rupanya mahukan jawapan [dari apa yang dilihatnya itu]”.

Para jamaah sekalian janganlah membangkang hikayat ini kerana ianya khas untuk Saiyidina Abdul Halim dan mereka yang seperjalanan dengan beliau… dan di maqamnya.



Situasi -1

28 Ogos 2013

Kiamat takkan berlaku melainkan ketika para makhluk menjadi jahat… Allahumma Robbana demi jaah Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم

janganlah engkau jadikan kami dari kalangan mereka… Allahumma sallim… sallim… sallim…

peliharalah kami, tutup kelemahan kami, santunilah kami… dan jadikanlah kami kalangan ummat Baginda junjungan صلى الله عليه وسلم.

Saya pernah ke farmasi membeli ubat… setelah menyerahkan duit kepada juruwang baki dari bayaran saya ialah setengah riyal. Dia menyerahkan resit lalu saya bertanya: "Mana setengah riyalnya?", dengan muka yang sangat tak malu dia jawab : "Saya dah masukkan ke tabung derma rumah kebajikan".

Saya tanya semula: "Kenapa tak minta izin dulu?", dia jawab: "Tak perlu minta izin sebab wang ini sikit",

saya pun cakap: “Masya ALLAH waktu duka dan hiba… tapi apa yang kamu lakukan ini haram, ini bukan soal sikit atau banyak, ini soal kamu buat sesuka hati atas sesuatu yang kamu tidak miliki…”.

Tuan-puan kiaskan sajalah situasi ini dengan banyak lagi sikap dan pekerti para makhluk jahat. ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.



Situasi -2

28 Ogos 2013

Seorang kawan saya berhajat mahu menyembelih kambing. Saya menemankannya ke pasar kambing dan kemudian ke pusat sembelihan.

Kawan saya pun membuat pilihannya… setelah penjual bersumpah berjela-jela tentang kebagusan kambingnya sedangkan kawan saya tidak pun memaksa dia untuk bersumpah.

Selepas itu kami pun ke pusat sembelihan… memang ia merupakan premis yang bersih, sembelihan dilakukan dengan disiplin mengadap kiblat, membaca takbir dan basmalah dan… Sesudah proses pemotongan daging dimasukkan ke dalam beg plastik dan pekerja pusat sembelihan pun membawanya ke kereta kami.

Di kereta tiba-tiba pekerja itu mengeluarkan satu beg plastik kecil lalu berkata kepada kawan saya: "Bagi hak saya pada daging ini", kawan saya kehairanan lalu bertanya: "Awak ada hak apa pada daging ni?!

Ini sepenuhnya saya punya", si pekerja jawab: "Ini kebiasaan dan undang-undang [di sini] ...", dengan kurang ajarnya dia terus berkata: "...kamu jangan nak banyak cakap lagi... bagi hak saya".

Saya pun masuk campur dengan berkata kepada pekerja itu: "Kawan saya ini sebenarnya memang nak beri awak sedikit kerana Allah, tapi awak ambillah duit ini dan kembalilah kepada pekerjaan awak wahai orang yang zalim pada diri sendiri dan orang lain".

Tuan-puanku sekalian... mengapa kita belajar perkara jahat dan tidak belajar yang baik-baik???

Zaman dahulu pencuri dan penyamun melakukan kerja mereka sembunyi-sembunyi dan tahu malu dengan masyarakat... tapi sekarang sambil mencuri terang-terangan dia bertengkar, melampau-lampau, tak tahu malu, tidak takut dan tidak sembunyi.

Musibahnya ialah dia menyangka dirinya benar.

Allahumma Robbana janganlah Engkau jadikan kami dari kalangan makhluk jahat... ya ALLAH ya Arhamar Rohimin.



Situasi -3

28 Ogos 2013

سبحان الله وبحمده .... سبحان الله العظيم

Ada sebabnya mengapa para junjungan sufi kita -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian- istimewanya sanad kami Saiyidina As-Syarif Al-Hasani Abd. Nasir رضي الله عنه وأرضاه berkata:

“Berdamping dengan orang awam adalah racun yang membunuh”.

Kerana di sana ada beza yang besar dan sangat besar… antara insan yang dipilih ALLAH Subhanahu wa Taala untuk menempuh jalan ALLAH = jalan Akhirat… dengan orang lain yang tidak membezakan antara halal dengan haram, antara yang suci dengan najis…

Ini semuanya adalah kurnia dari ALLAH Tabaroka wa Taala. Kurniaan [kemuliaan] itu… semata-mata

dari ALLAH Subhanahu wa Taala.

Kasihannya orang yang duduk dalam daerah awam… dia cuma tahu mengingkari… menyakiti… memaki… mengkafirkan… bercakap dan hanya bercakap.

Benar, memang dia ada semangat agama yang meluap-luap… malangnya dia menjadikan semangatnya itu sebagai kerjatangannya dan menganggap dirinya [dengan semangat-semangat itu] tahu segala-galanya… hingga dia merasakan dirinya lebih tinggi dari syariat.

Sedangkan dia tidak mampu membezakan antara cahaya dengan gelita… dia tidak tahu memilih antara mana yang baik dengan mana yang yang buruk.

Adapun ahli daerah al-khawas mereka sentiasa memahami… bertolak ansur… memberi keuzuran kepada orang lain… berbaik sangka… bahkan berbuat baik kepada yang menyakiti mereka.

Ahli daerah al-khawas memang punya semangat agama yang meluap-luap… namun dia menjadikan semangatnya rahmat dan mahabbah… bahkan tawadhuk dan terus tawadhuk hingga dia karam dalam sangkaan yang dirinya tidak tahu suatu apa pun. Dia menjadikan syariat sebagai benteng dirinya dari kesesatan dan penyelewengan.

Lalu sudahkah kita sekarang mengetahui apa

bezanya antara bintang tsurayya dengan tsara… antara kebenaran dan kesesatan… antara kejujuran dan pendustaan.

Sudahkan kita kenal sekarang apa bezanya antara penzalim dan yang dizalimi…

Robbana janganlah engkau jadikan kami beserta kaum yang zalim.



Situasi -4

28 Ogos 2013

Diantara rekacipta kreatif kelompok yang tiada izin menjadi syeikh, pentarbiyyah dan penasihat kepada umat… bahkan ia merupakan sebahagian dari petanda yang diri mereka itu sebenarnya mendustai umat…

… dia menghantar email atau pautan internet kepadamu… kemudian berkata: "Sila isi borang berikut. Jika anda berjaya memenuhi kriteria borang ini dan dipersetujui oleh syeikh "jadi-jadian" tersebut, beliau akan menetapkan temujanji dan memberi ijazah = talqin atau istilah-istilah moden yang lainnya kepada anda melalui panggilan telefon…

Ini tak pernah kita dengar dalam khabar yang terdahulu atau dalam pengriwayatan naqli.

Sesungguhnya aku hamba yang tak bernilai apa-apa lagi jahil dan dhaif ini amat yakin bahawa sang pendusta pasti akan berhimpun dengan pendusta sepertinya dan

orang jujur pasti akan berhimpun dengan orang jujur sepertinya. Hal ini merupakan undang-undang tabi`i di alam buana yang ALLAH Subhanahu wa Taala kurniakan kepada kita.

(والله يخلق ما يشاء ويختار)

> ***"Dan ALLAH mencipta apa yang dikehendakiNya dan Dia memilih siapa yang dikehendakiNya".***

… jalan tareqat para khawas bukan untuk permainan, membanyakkan pengikut, menghimpun harta… jalan tareqat para khawas adalah tarbiyyah yang bererti sabar, sabar dan sabar.

Dan barangsiapa dimuliakan mendapat tarbiyyah… samalah halnya dengan orang yang menyerah ke tali gantung… siapa yang pernah mencubanya tahu hakikatnya, siapa yang belum pernah mencuba tidak tahu walaupun dia membaca seribu kitab, mendengar seribu nasihat dan hadir seribu kuliah.

Semoga ALLAH memberi kita petunjuk lagi memberi pembukaan kepada kita sekalian dengan futuh para `arifin demi jaah saiyidil `arifin Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.



Situasi -5

28 Ogos 2013

Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم telah mensifatkan arak dalam sabda Baginda:

الخمر أم الخبائث

"Khamar (arak) adalah ibu segala kejahatan".

الخمر أم الفواحش وأكبر الكبائر

"Khamar adalah ibu segala kejahatan dan sebesar-besar dosa yang besar".

Dalam satu riwayat dari Saiyidina Abdullah Ibnu Saiyidina Umar bin Al-Khattab رضي الله عنهما ونفعنا الله بهما disebutkan:

كل مسكر خمر وكل خمر حرام

"Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak adalah haram".

Seorang teman saya menceritakan pengalamannya yang selalu menjadi penumpang di pelbagai syarikat penerbangan antarabangsa. Katanya antara keajaiban di dalam pesawat-pesawat terbang itu ialah hidangan berbagai jenis arak dan minuman yang memabukkan dengan jenama yang bermacam-macam pula.

Jika kamu minta pepsi atau seven up pramugara hanya akan memberi setengah gelas dan mengambil semula tin pepsi itu… dia menghidangkan minuman itu kepada kamu seolah-olah kamu telah bersalah terhadapnya.

Tapi jika kamu meminta arak dia akan memberimu lengkap dengan tin dan botolnya sekali, lengkap dengan aisnya. Dengan hormatnya dia menghidangkan kepadamu sambil berkata: "Silakan tuan" seraya melempar senyuman.

Maka inilah dan itulah sebenarnya hal umat kita… selepas kita menerima situasi… ibu segala dosa besar… menjadi sesuatu yang normal… tidak diengkari hatta dengan hati sekalipun.

Lalu bagaimana pula jika diterima dan diminum… bahkan dianggap sebagai sesuatu yang betul dan halal… mana sikap malu kita kepada ALLAH dan RasulNya صلى الله عليه وسلم?!

Allahumma tambahkanlah kami makin malu kepadaMu. Aku istighfar kepada ALLAH kerana malu dengan ALLAH.

Al-Imam Abu Daud meriwayatkan bahawa Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

لعنت الخمر بعينها وشاربها وساقيها وبائعها ومبتاعها وعاصرها ومعتصرها وحاملها والمحمولة إليه وآكل ثمنها.

"Arak itu terlaknat pada zatnya, terlaknat orang yang meminumnya, yang menuangnya, yang menjualnya, yang membelinya, yang memerahnya, yang minta ia diperah, yang membawanya, yang dibawa kepadanya dan yang makan harganya".

Al-Imam Ahmad meriwayatkan hadis dari Saiyidina Ibnu Abbas رضي الله عنهما berkata beliau bahawa aku telah mendengar Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

أتاني جبريل عليه السلام فقال يا محمد إن الله لعن الخمر وعاصرها ومعتصرها وبائعها ومبتاعها وشاربها وآكل ثمنها وحاملها والمحمولة إليه وساقيها ومستقيها.

"Jibril عليه السلام telah mendatangiku lalu berkata: Ya Muhammad! Sesungguhnya ALLAH melaknat arak dan pemerah (pembuat)nya, yang minta diperahkan untuknya, yang menjualnya, yang membelinya, yang meminumnya, yang makan harganya, yang membawanya, yang dibawa kepadanya, yang menuangnya dan yang minta dituangkan untuknya".

Lalu apakah kita mengengkari dengan hati kita dan yang demikian itu selemah-lemah iman…



Situasi -6

28 Ogos 2013

Mampukah sesiapa di kalangan kita untuk tidak berinteraksi dengan bank?... Maaf, institusi kewangan. Berbagai nama telah dipermainkan untuk meringan-ringankan hakikat maknanya atau dengan tujuan pengabaian, atau pembekuan, atau mematikan hati.

Semua orang tahu bahwa para pengarah bank merupakan golongan yang terpandang zaman sekarang… merekalah orang-orang kaya… merekalah kuasa… merekalah orang-orang yang berpengaruh… merekalah para penentu keputusan… merekalah kerajaan yang memerintah.

Riba itu dan tahukah kamu apa itu riba… cukuplah di sini kita mendengar sebuah hadis dari Saiyidina Jabir رضي الله عنه وأرضاه yang berkata:

لعن سيدنا ومولانا رسول الله صلى الله عليه وسلم آكل الربا

وموكله وكاتبه وشاهديه ، وقال هم سواء.

"Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم ***melaknat pemakan riba, yang mewakilkannya, yang menulisnya dan yang menjadi saksinya. Kata Baginda mereka semua sama tarafnya".***

Kawan saya bercerita: Waktu aku masih anak kecil satu cawangan bank telah dibuka di bandar kami dan pakcik sebelah bapaku adalah seorang tokoh tempatan… satu hari ketika kami dalam satu majlis pengarah bank itu datang dan mahu masuk menghadiri. Pakcik pun berkata kepadanya: "Saya harap awak tidak masuk supaya laknat tak turun menimpa kami… harap awak dapat beredar… kami mahu rahmat ALLAH Subhanahu wa Taala".

Pakcik telah menghalau pengarah bank itu… kerana si pengarah dengan ribanya memerangi ALLAH dan merosakkan bandar kami.

Hari demi hari berlalu dan pakcik pun meninggal dunia… beberapa bank lain turut membuka cawangan di bandar tempat tinggal kami. Para pengarah bank tersebut pun turut hadir dalam majlis-majlis kami, namun mereka duduk di hujung tempat majlis diadakan.

Tapi sekarang… segalanya telah berubah…Para pengarah bank sekarang duduk di posisi utama majlis dan di tiap majlis… mereka sekarang menjadi tokoh-

tokoh tempatan dan orang-orang besarnya…

Institusi perbankan ibarat gergaji yang tetap makan ketika dorong dan tarik… ia mengambil dari pembeli dan penjual… ia sentiasa menyebelahi yang kuat… lagi mengecewakan orang dhaif dan fakir.

Dalam semua jenis hutang kamu boleh bertangguh, berlambat-lambat membayar, memanjang-manjangkan tempoh pembayaran dan boleh jadi merugikan pemiutang. Tapi tidak jika hutang dengan bank… di situ tiada rahmat belas kasihan dan tiada keringanan, yang ada hanya jumlah yang makin tinggi, makin besar dan bertambah-tambah.

Maka kami memohon padaMu ya Robbana agar sudilah Engkau merahmati kami dari segala macam bank ini kerana sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang maha merahmati dan mengasihani kami… ya ALLAH.

Robbana singkapkanlah dari kami azab seksa, sesungguhnya kami beriman.

Robbana janganlah Engkau jadikan kami dari kalangan makhlukMu yang jahat… ya Robbana… wahai Pencipta kami… wahai yang maha memberi rezeki kepada kami.



Situasi -7

28 Ogos 2013

Perkahwinan yang Islami adalah… perkahwinan secara Islam… tidak main-main, tidak gurau senda, tidak lawak, tidak bahan tawa, tidak jenaka, tidak rekacipta, tidak dusta, tidak good intention dan tidak hanya bermaksud baik.

Sudah sedia maklum lagi diketahui syarat-syarat sebuah perkahwinan…

1- Kabul, persetujuan dan redho dari ahli kedua belah pihak lelaki dan perempuan.

2- Mahar. Mahar adalah mahar dalam ertikatanya yang benar… tanpa didahulukan atau ditangguh, di lewatkan atau digendalakan atau digantung.

3- Iklan. Iklan adalah pengumuman, pemberitahuan dan perkenalan antara kedua belah pihak.

Adapun perkahwinan yang seperti istilah-istilah barunya sekarang, yang direkacipta, yang diinovasikan,

yang diperbaharui dan yang dikreativitikan… itu semua bukan dari yang diturunkan oleh ALLAH Taala, itu semuanya helah dan mempermainkan faraj, maruah dan nasab keturunan. Semua itu dikanunkan bagi meluluskan zina… bahkan ia merupakan zina yang tidak lain darinya.

Allahumma Robbana peliharalah kami dari pendustaan dan cerita yang diada-adakan ini, peliharalah kami dari pembohongan atas namaMu ya ALLAH dan atas nama RasulMu صلى الله عليه وسلم.

Sejak beberapa tahun terakhir perkahwinan jenis baru ini telah tersebar luas tanpa malu dan segan silu dan tanpa sikap beragama lagi, bahkan ia telah dimasukkan ke dalam syariat dan agama di zaman sekarang.

ALLAH Tabaroka wa Taala dan RasulNya صلى الله عليه وسلم beserta kaum mukminin tiada kena mengena dengan berbagai nama, jenama, bentuk, jenis dan rupa perkahwinan yang demikian itu.

Setiap orang yang setuju dengan berbagai macam nama ini tanyakanlah dia satu soalan… kamu redhokah anak perempuanmu dikahwini secara ini? (Tentu jawabnya tidak). Kamu redhokah adik perempuan atau kakakmu dikahwini secara ini? (Tentu jawabnya tidak). Kamu redhokah ahli keluarga perempuanmu dikahwini secara ini? (Tentu jawabnya tidak).

Kalau begitu mengapa kamu redho perkahwinan

ini dan kamu menggalakkannya berlaku di kalangan muslimin dan muslimat?!

Apakah kerana harga dirimu dan keluargamu suci… keluarga orang lain dan harga diri kaum muslimin selainmu boleh dinodai dan dihina-hinakan sebegini rendah, mundur, tak dipedulikan dan tidak diiktiraf langsung?!

Allahumma demi jaah kekasihMu dan RasulMu Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم jangan jadikan kami kalangan makhlukMu yang jahat.

Siapa nak faham silakan… siapa nak jadi jahil silakan… takutlah pada ALLAH wahai para hamba ALLAH. Semua kita nanti akan berhimpun di sisi ALLAH Subhanahu wa Taala di hari Kiamat.

Siapa yang melakukan perbuatan berikut akan membayar bilnya di dunia lagi sebelum Akhirat. Ini sudah mujarab terbukti:-

1- Zina. Tidak kira walau zina itu diberi berbagai nama baru atau dilabel sebagai perkahwinan.

2- Derhaka kepada dua ibu bapa yang amat berluas luasa di zaman sekarang hingga boleh dikatakan ada dalam tiap rumah melainkan yang dirahmati ALLAH Tabaroka wa Taala.

3- Riba dan segala yang bersangkut paut dalam institusi perbankan = bank, badan kewangan, bursa saham dan yang sewaktu dengannya.

Allahumma sesungguhnya kami benci dan menolak perkara-perkara ini dengan hati kami dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.



Situasi -8

29 Ogos 2013

Kawan saya bercerita: Zaman dahulu politik bererti rahmat belas kasihan, pengalaman, ilmu dan seni kemungkinan… objektif para politikus dahulu adalah kesejahteraan dan keamanan merata… mereka tak peduli berapa harga dan bil yang mesti dibayar untuk matlamat itu.

Untuk politik dan ahli siasah beginilah (tambah kawan saya) dikatakan pepatah kepada kita:

اعطي الخباز خبزه والصانع صنعته ولو أكل أو أخذ أو سرق نصفها ....

"Berikan pembuat roti akan rotinya, berikan tukang akan tukangannya, berikan saja padanya walau pun dia makan atau atau ambil curi separuhnya…"

Orang tua-tua juga ada berkata:

إن السياسة نجسة وكل من يشتغل بها يتنجس ... والذي يريد الطهارة يهرب من السياسة وأهل السياسة هروبه من الأسد

"Sesungguhnya politik adalah najis, setiap orang yang mengerjakan politik akan terkena najis… bagi yang mahu kesucian diri akan lari dari politik dan ahli politik seperti larinya dia dari singa".

Orang tua-tua juga ada berkata:

طلق السياسة بالثلاثة (بدون رجعة ولا تدخل ولا تحدث)

"Ceraikan politik talak tiga" (tanpa ada rujuk, tanpa ada kembali masuk campur dan tanpa bercerita mengenainya).

Orang tua-tua juga ada berkata… ada berkata… dan mereka masih terus berkata…

Adapun di zaman sekarang, kurang lebih sejak 33 tahun, sejak hujung tahun 1399H dan permulaan tahun 1400H… segala-galanya telah berubah, bertukar, bersalin kulit dan... dan...

Zaman dahulu semua orang melaksanakan kerja secara diam-diam dan dengan tidak langsung… sekarang semua orang bekerja secara siaran langsung, terbuka dan mencabar… dan inilah dia akhir zaman =

hati mati… hati sudah mati… dan diiring mati… kerana makannya haram, minumnya haram, pakaiannya haram, gajinya haram, mu`amalatnya riba ditambah lagi dengan membanggainya, dengan minum arak yang sudah berbagai-bagai namanya supaya menjadi halal dengan dusta, ditambah lagi dengan tersebar luasnya zina dan penerimaannya dan pemaksaan ke atas kaum muslimin dan muslimat untuk menerimanya sebagai halal.

Diantara contoh yang tidak dapat ditolak ansurkan adalah fenomena boy friend and girl friend yang merupakan zina senyata-nyatanya.

Maka kita pun ditimpa laknat dan berbagai sumpah kutukan…. lalu ALLAH Subhanahu wa Taala pun membiarkan kita kepada nafsu kita dan kepada para pengembala kita yang yang berbuat semahu-mahu mereka ke atas diri kita… mereka didokong pula oleh para ulama' suu' (ulama sekarang sudah jadi kerjaya dan bukan lagi ilmu) yang menghalalkan apa yang haram dengan menerima imbuhan atau dengan tidak menerimanya.

Allahumma janganlah Kau jadikan kami bersama para makhluk jahat… Allahumma amin.

Penghulu alam kewujudan dan penyebab bagi segala yang diadakan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

يتقارب الزمان ... وينقص العِلم .. ويُلقى الشُّحّ ... وتظهر الفِتن ... ويكثُـر الهرج. قالوا : يا سيدي يا رسول الله صلى الله عليك وسلم ... وما الهرج ؟ قال سيدنا ومولانا محمد صل الله عليه وسلم : القتل القتل.

"Zaman makin mendekat... ilmu berkurangan... sikap kikir berleluasa... muncul berbagai fitnah pancaroba dan berlaku banyak harj". Para sahabat bertanya: Apakah harj itu ya saiyidi ya RasulALLAH صلى الله عليك وسلم***? Maka sabda Saiyidina wa Maulana Muhammad*** صلى الله عليه وسلم***: "Pembunuhan...pembunuhan".***

Lagi telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

'إِنَّ بَيْنَ يَدَي السَّاعَةِ فِتَنًا كَقِطَعِ اَللَّيْلِ اَلْمُظْلِم ... يُصْبِحُ اَلرَّجُلُ فِيهَا مُؤْمِناً وَيُمْسِي كَافِراًوَيُمْسي مُؤْمِناً وَيُصْبِحُ كَافِراًاَلْقَاعِدُ فِيهَا خَيْرٌ مِن اَلْقَائِمِ والقَائِمُ خَيْرٌ مِن اَلْمَاشِيوالمَاشي فِيهَا خَيْرٌ مِن السَّاعِيفَكَسِّرُوا قِسِيَّكُمْ، وَقَطِّعُوا أَوْتَارَكُمْ، وَاضْرِبُوا بِسُيُوفِكُمْ اَلْحِجَارَة'.....

"Sesungguhnya sebelum hendak berlakunya kiamat akan terjadilah berbagai fitnah pancaroba bagai sepotong malam gelita... ketika itu manusia

berpagi-pagi mukmin dan berpetang-petang kafir, berpetang-petang mukmin dan berpagi-pagi kafir. Waktu itu orang yang duduk lebih baik dari yang berdiri, yang berdiri lebih baik dari yang berjalan dan yang berjalan lebih baik dari yang berusaha mengerjakan. Maka waktu itu hendaklah kamu mematahkan busur-busur panahmu, hendaklah kamu memutuskan tali-tali busurmu dan pukulkanlah pedang-pedangmu kepada batu".

Lagi telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

والّذي نفسي بيده ليأتينَّ على النّاس زمان لا يدري القاتل في أيّ شيء قَتل ولا يدري المقتول على أيّ شيء قُتل...

'Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggaman tanganNya, akan datanglah kepada manusia satu zaman di mana orang yang membunuh tidak tahu kenapa dia melakukan pembunuhan dan orang yang terbunuh tidak tahu untuk apa dia dibunuh..."

Lagi telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

لا ترجعوا بعدي كُفّاراً يضْرِب بعضُكم رِقاب بعض

"Janganlah kamu rujuk kembali menjadi kafir selepas pemergianku yakni apabila sesama kamu saling menebas tengkuk saudaranya".

Lagi sesungguhnya Saiyidina Abud Darda' رضي الله عنه وأرضاه telah berwasiat:

لئِن تلزم بيتك وتموت مسلماً خيرٌ لك من حضور الفتن ....

"Jika engkau tetap diam di rumahmu dan engkau mati sebagai muslim itu lebih baik bagimu dari menghadiri fitnah pancaroba".

Lagi telah bersabda Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم:

إنّ الفِتَن سَتَعُمُّكُم فتَعوَّذُوا بالله مِن شرِّها ....

"Sesungguhnya segala fitnah pancaroba itu akan menyelubungi kamu sekalian, maka hendaklah kamu bermohon perlindungan kepada ALLAH dari kejahatan fitnah itu".

Allahumma Robbana selamatkanlah kami dan keluarkanlah kami dari segala fitnah pancaroba yang zahir darinya dan yang batin, tangkislah ia dari negeri kami dan dari sekelian negeri kaum muslimin dan sekelian negeri orang bukan muslimin…

"Dan tidaklah Kami mengutusmu (ya Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada semesta alam" = untuk semua.

Allahuma amin.



Situasi -9

29 Ogos 2013

Dalam setiap situasi yang dipaparkan saya semata-mata suka memberi peringatan…

فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ الذِّكْرَى. سَيَذَّكَّرُ مَن يَخْشَى. وَيَتَجَنَّبُهَا الأَشْقَى.

"Oleh itu berilah peringatan, kalau-kalau peringatan itu berguna. Kerana orang yang takut (melanggar perintah Allah) akan menerima peringatan itu. Dan (sebaliknya) orang yang sangat celaka akan menjauhi peringatan itu" Al-A'la: 9-11

Saya mulai peringatan itu untuk diri saya sendiri; untuk nafsu saya yang letaknya di tengah dahi saya… tahukah kamu apakah nafsu itu… nafsu masuk kepada segala perkara untuk merosakkan perkara itu… bahkan nafsu masuk bersama si alim dalam ilmunya…

bersama si zuhud dalam kezuhudannya… bahkan masuk bersama para wali dalam kewalian mereka… nafsu masuk dalam segala-galanya.

Ini perkara bahaya… sangat merbahaya… melainkan bagi insan yang diselamatkan oleh ALLAH Subhanahu wa Taala… insan yang ditemukan ALLAH dengan seorang syeikh kamil murobbi yang `arif billah lagi arif segala selok belok nafsu dan insan itu menempuh suluk dan tarbiyyah di tangan syeikh ini… kewujudan syeikh kamil murobbi adalah langka… dan yang diiktibarkan adalah pewaris yang hidup (bukan syeikh yang telah meninggal).

Alhamdulillahi Robbil `alamin tiap zaman takkan kosong dari keberadaan mereka… mereka ada dan tidak masyhur.

اللهم ربنا رحمتك أرجو فلا تكلني إلى نفسي طرفة عين ولا أقل من ذلك يا نعم المجيب.

"Allahumma Robbana rahmatMu yang ku harapkan, maka janganlah Engkau menyerahkan aku kepada nafsuku barang sekerdip mata dan tidak juga lebih sedikit dari tempoh itu wahai Tuhan yang sebaik-baik melayan permintaan".

Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

أنا جد كل تقي

"Aku adalah datuk bagi tiap orang yang bertaqwa".

Kerana itu dikatakan oleh para pendahulu: Hendaklah engkau mencari bapa rohanimu = mahaguru, syeikh dan murobbimu supaya engkau kenal dan mengenali dirimu.

وَنَفْس وَمَا سَوَّاهَا. فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا. قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا. وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا.

"Demi nafsu (diri/jiwa) manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya. Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwanya. Dan sesungguhnya hampalah orang yang mengotorinya" As-Syams: 7-10

Pencarian ini adalah perlu bagi diri yang mahukan keselamatan; kita keluar dari beribadat untuk nafsu kita (tidak kira dalam apa bentuk dan gambarannya) kepada beribadat kerana ALLAH Tabaroka wa Taala Tuhan yang Maha Hidup, maha berdiri dengan sendiriNya, Maha Satu lagi Maha Esa.

Inilah sebabnya yang hakiki (atau antara faktor

terkuat) terhadap kewujudan para masyaikh yang kamil -semoga ALLAH meredhoi mereka sekalian- yang mendapat izin, yang berhubung dan menghubungkan ke hadrat ALLAH Al-Malik Al-Haq Al-Mubin Subhanahu wa Taala dan ke hadrat Saiyidina wa Maulana Muhammad As-Sodiq Al-Wa'd Al-Amin صلى الله عليه وسلم.

Seorang sodiq (jujur) akan mencari sodiq dan akan bertemu yang sodiq… siapa berusaha akan berjaya… siapa yang mujahadah akan beroleh musyahadah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ اتَّقُواْ اللّهَ وَكُونُواْ مَعَ الصَّادِقِينَ.

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu bertaqwa kepada ALLAH dan hendaklah kamu bersama mereka yang sodiqin" At-Taubah: 119

Seorang kazib (dusta) pula akan mencari kazib dan hidup dengan yang kazib… dan tetaplah dia dengan kehidupan fatamorgana dalam fatamorgana.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الإِنسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاء رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ. وَلِتَصْغَى إِلَيْهِ أَفْئِدَةُ الَّذِينَ لاَ يُؤْمِنُونَ بِالآخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُواْ مَا هُم مُّقْتَرِفُونَ.

"Dan demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu. Dan juga supaya hati orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat cenderung kepada bisikan itu, dan supaya disetujui oleh mereka, dan juga supaya mereka (terus) melakukan apa yang mereka lakukan itu" Al-An`am: 112-113

Ini semua dapat disaksikan dengan nyata… sudah terbukti mujarabnya bagi mereka yang mencuba… saya mohon tuan-puan bukalah hati dengan zikir… sepertimana tuan puan telah membuka akal dengan eksperimen…

Allahumma Robbana demi jaah Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dan ahli keluarga Baginda beserta para sahabat dan isteri-isterinya serta para penolongnya, para pecinta Baginda dan yang dicintai Baginda عليه أفضل الصلاة والسلام janganlah engkau menjadikan kami dari kalangan makhlukMu yang jahat.

Allahumma amin ya Robbal `alamin



Situasi -10

29 Ogos 2013

Saiyidina wa Maulana junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم telah memberi isyarat yang jelas kepada kita bahawa siapa yang mahu dekat dengan Baginda di hari Kiamat nanti hendaklah dia memenuhi kriteria berikut:-

1- Akhlak baik dan makarimul akhlak

Dalam hadis Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

إن من أحبكم إلي وأقربكم مني مجلسًا يوم القيامة أحاسنكم أخلاقـًا وإن أبغضكم إلي وأبعدكم مني مجلسًا يوم القيامة الثرثارون والمتشدقون والمتفيهقونقالوا : يا سيدنا يا رسول الله قد علمنا الثرثارون والمتشدقون فما المتفيهقون ؟ قال صل الله عليه وسلم : المتكبرون

“Sesungguhnya antara yang paling ku cintai dan yang paling dekat duduknya denganku nanti dikalanganmu pada hari Kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya. Dan sesungguhnya yang paling ku benci dan paling jauh duduknya dariku di kalanganmu nanti pada hari Kiamat adalah mereka yang banyak mulut, bermulut jahat dan golongan al-mutafaiqihun”. Para sahabat bertanya: “Ya Saiyidana ya Rasulallah, sudah kami tahu mereya yang banyak mulut dan bermulut jahat, maka apa pula al-mutafaiqihun? Jawab Baginda: “Orang takbur sombong”.

Lihatlah tuan dan puanku sekalian, telah diketahui orang banyak mulut dan bermulut jahat kerana mereka ini sudah ada sejak zaman itu lagi, adapun al-mutafaihiqun mereka masih belum diciptakan dan masih belum ada di zaman itu… tapi adanya mereka di zaman kita ini = akhir zaman.

Adapun kita di zaman sekarang ketiga-tiga golongan itu ada pada kita, bersama kita, antara kita, dalam kelompok kita dan di luar komuniti kita… ya Robb! Pimpinlah tangan kami ini.

2- Sifat kedua yang melayakkanmu untuk bersama Baginda junjungan صلى الله عيه وسلم ialah dengan memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Dalam satu hadis Baginda junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

أقربكم مني مجلسا أكثركم علي صلاة.

"Orang yang paling dekat duduknya denganku dari kalanganmu adalah yang paling banyak berselawat ke atasku".

Inilah dia dan itulah dia mengapa para pendahulu kita -moga ALLAH redho pada mereka semua- berwasiat kepada anak-anak mereka yang lelaki dan perempuan, kepada seluruh ahli keluarga mereka, kepada yang mereka sayangi dan kepada teman-teman mereka agar benar-benar loba terhadap dua rukun ini agar mereka dapat berjiran dengan Saiyidina wa Maulana Muhammad dan ahli keluarga baginda, para ansarnya dan isteri-isterinya صلى الله عليه وسلم.



Situasi -11

3 September 2013

Yang saya maksudkan dengan kata "situasi"… ialah saya menyedari diri lalu berfikir dan tafakkur… bagaimana dulunya kita… sekarang apa dah jadi dengan kita… segala-galanya berubah… berubah dengan kecepatan yang dahsyat.

Robbuna Subhanahu wa Taala berfirman dalam kitabNya Al-Quranul Karim yang diturunkan kepada hati kekasihNya dan RasulNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلا سَدِيدًا يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْوَمَن يُطِعْ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا…

"Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang

tepat - benar (dalam segala perkara). Supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada ALLAH dan RasulNya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan" Al-Ahzaab: 70-71

Ayat ini tertulis di atas pintu Jannatul Baqi' (di Masjid Nabawi yang mulia) dan terpampang bagi siapa yang masuk dari pintu ini untuk berziarah kepada Baginda imam kita, ikutan kita, wasilah kita Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم وعلى آله وأصحابه وأنصاره وأزواجه وذرياته أجمعين.

Dalam dua ayat ini terkandung segala yang kita perlukan di waktu nan getir sekarang… waktu di mana segala-galanya telah ikhtilaf… tersamar… campur aduk… bertukar warna, berubah, berkalih… dan segala-galanya telah terpolusi… polusi pada hati dan roh… pada fikiran dan pandangan… pada maslahat, pada kesefahaman dan pertelingkahan… pada sikap beragama dan agama… pada prinsip dan dasar… pada akhlak dan mu`amalat… pada keluarga dan kaum kerabat… pada saudara dan saudari… pada suami dan isteri… pada mantan suami dan isteri yang dicerai… pada ustaz ustazah… pada guru-guru… pada para masyaikh… pada tukang sembelih… pada sang alim… dan pada ulama jadi-jadian…

Allahumma Robbana… wahai Tuhan yang rahmatNya meliputi tiap suatu… hamba ini suatu… moga rahmatMu jua meliputiku… ya ALLAH ya Habibi.

Saya harap pada tuan-puan marilah sama-sama kita mengaji ayat ini dengan terperinci dan luas.

Kenapa ayat ini ditulis tepatnya pada pintu ini… dari pintu ini akan keluar jenazah yang diusung ke Jannatul Baqi'… keluar dari dunia untuk masuk ke satu alam atau sekian banyaknya alam Akhirat.

Di zaman dahulu… mereka takkan menulis suatu tulisan… melainkan setelah beroleh izin yang jelas dari yang empunya izin… di kalangan mereka ada golongan rijal yang dikenali siapa orangnya dari tokoh-tokoh besar solihin yang tahu bagaimana mahu minta izin itu…

Keadaan ini tidak hanya khusus pada dua tanah suci… bahkan di setiap masjid di dunia dan di tiap alam… keadaan ini wujud ketika adanya penghormatan dan takzim kepada para ulama'ul `amilin dari kalangan awliya dan solihin.

Dan sekarang apabila kita sudah rasa tiada keperluan kepada mereka… mereka pun lari kepada ALLAH Subhanahu wa Taala dan meninggalkan kita di dalam parit dalam dan teramat dalam ini.

Sedangkan sebenarnya tiap zaman itu tak pernah kosong dari mereka… mereka ada.

Tapi untuk melihat mereka perlu menggunakan hati… jika hati disucikan, berperanan, menyala… bukannya dengan mata kepala.

Semoga ALLAH merezekikan kita semua adab dan kefahaman.

Allahumma janganlah Engkau menjadikan kami golongan makhlukMu yang jahat…

Allahumma amin… amin… amin



Situasi -12

3 September 2013

Point ini penting, diketahui lagi popular… tapi kita telah melupakannya… atau buat-buat lupa. Di zaman dahulu ketika hidup di dunia ini manis… sebelum era internet dan satellite channel… sebelum sejauh-jauh jarak menjadi dekat… sebelum dunia waktu sekarang yang sampai dikata orang bagaikan sebuah kampung kecil… mungkin ini adalah keadaan yang baik dan memberi dampak positif pada sudut-sudut tertentu… tapi ia telah merugikan kita dalam banyak sisi… dan kita masih terus menanggung kerugian dan rugi yang belum henti.

Dahulu setiap benua, atau negara, atau kampung, atau kawasan… masing-masing punya ciri khas, punya budaya tersendiri, jalan fikir sendiri, cara tersendiri dalam memahami peristiwa dan sejarah… dan masing-masing punya kekhasan gaya hidup sendiri…

Namun sekarang semua negara telah dipaksa secara

langsung atau tidak langsung untuk mempraktis satu ciri dan melaksanakan model tunggal… sedangkan keadaan ini adalah mustahil untuk dijalankan dari banyak segi… akan mengakibatkan tidak balas yang amat banyak dan besar… takkan mungkin berbilang-bilang bangsa lebur menjadi satu bangsa… itu tak mungkin walaupun ia telah berlaku pada makanan, minuman dan pakaian.

Apa pun point yang menjadi perhatian kita di sini… dan yang wajib kita perhalusi dari semasa ke semasa ialah…

Tidak boleh kita merekabentuk satu model islami tunggal untuk dipakaikan kepada satu negeri atau negara… atau kepada semua negeri dan semua negara yang ada… kita akan gagal… dan gagal adalah natijahnya… inilah yang telah berlaku dan yang sedang berlaku dan inilah hasilnya.

Zaman dahulu seorang alim yang `amil (yang beramal dengan ilmunya) apabila beliau berpindah dari satu negeri ke satu negeri yang lain… boleh dikatakan beliau akan mengubah begitu banyak ideanya, fikirannya, jalannya dan pemikirannya… untuk disesuaikan dengan warga negeri yang baru ini.

Tuan-puan ada Saiyidina Al-Imam As-Syafie رضي الله عنه وأرضاه … Imam Mazhab As-Syafie… ketika beliau meninggalkan kota Makkah Al-Mukarromah berpindah ke negeri Mesir yang terpelihara… beliau

mengubah kitabnya Al-Umm kepada Al-Umm baru… beliau mengubah fiqihnya… fatwanya… hingga dapat disesuaikan dengan warga Mesir… dengan inilah dan atas faktor inilah mazhab As-Syafie tersebar luas di merata pelosok bumi.

Dikeranakan ini juga para junjungan kita رضي الله عنهم أجمعين berkata: Ada tiga syarat bagi seorang mufti yang faqih lagi alim dan `amil:

1- Tempat… ertinya negeri di mana beliau berada sekarang

2- Zaman… beliau sedar lagi arif tentang waktu semasanya dan apa yang diperlukan

3- Ikhwan… beliau mengerti ahwal masyarakat soal dekat dan jauhnya mereka dengan ALLAH.

Dari hakikat ini semua kita menyimpulkan satu natijah yang penting… malangnya hilang dari kotak fikiran… saya tak tahu mengapa itu terjadi???

Tidak boleh kita mengambil satu fatwa atau hukum dari satu negeri atau negara… lalu dijalankan dan dipraktiskan di satu negeri atau negara lain… itu tidak boleh… tidak boleh... (ini jika kita berpegang kepada prinsip baik sangka).

Di sinilah dan dari sinilah berlakunya kesalahan dan salah silap yang banyak, kemudian ia bertambah dan terus bertambah hingga sampai ke tahap melempar tuduhan syirik, mengkafirkan dan membunuh orang…

dan banyak lagi… hinggalah kita sampai kepada keadaan sekarang (sejahat-jahat makhluk Allah).

Maka apakah mereka yang berakal dapat memahami… dan kembali serta taubat kepada ALLAH Subhanahu wa Taala.

Allahumma Robbana… janganlah Engkau menjadikan kami dari kalangan sejahat-jahat makhlukMu… ya ALLAH kami mohon rahmatMu dan redhoMu.

Allahumma amin… amin… amin.



Situasi -13

3 September 2013

Mencari kewujudan syeikh yang kamil lagi murobbi yang washil (sampai) lagi muwassil (menyampaikan) adalah penting… dan amat penting dari dua dimensi… dua sudut… dua sisi.

Dimensi pertama:

Kita ada banyak penyakit… siapa yang dapat merawat kita… ke hospital mana kita nak pergi… dengan doktor pakar mana atau tabib mana kita dapat memeriksa.

Dimensi kedua:

Siapa yang menampilkan diri menjadi syeikh di zaman sekarang… wajiblah baginya mengakui apa keupayaan dan kemampuan yang ada pada dirinya.

Apakah dia mampu untuk merawat penyakit-penyakit ini… yang tidak dapat dirawat melainkan

oleh seroang murobbi lagi syeikh yang kamil.

Keberkatan ada pada semua yang datang kemudian atas amalan yang telah dijalankan oleh bapa, datuk, nenek moyang dan syeikh-syeikh zawiyah yang terdahulu… tapi "sirr" ada di rumah siapa sekarang????....

Semua orang bergurindam tentang Laila… tapi di mana Laila dan mana khemahnya.

Dan inilah penyakit-penyakitnya ::::::: syaitan berkepala tujuh.

Apabila disebut kalimah "nafsu" ertinya nafsu ammarah… yang tebal… yang zulmat… yang bawah… yang kebinatangan…

Nafsu ammarah menyuruh kepada perbuatan jahat… dan melihat benar pada melakukannya.

Ia umpama syaitan tujuh kepalanya :::

1- Syahwat

2- Marah

3- Sombong

4- Hasad

5- Loba

6- Bakhil

7- Riya'

Tiada kerehatan dari tujuh kepala ini dan tiada

rawatan darinya melainkan dengan mendamping para syeikh yang kamil -moga ALLAH meredhoi mereka semua dan semoga ALLAH mengurniakan kita kemanfaatan mereka-.

Semoga ALLAH meredhoi pujangga yang berkata:

يصحب شيخًا عارف المسالك * يقيه في طريقه المهالك

يـذكـره الله إذا رآه * ويوصل العبد إلى مولاه

Si murid mendamping syeikh nan arif
segala selok lalu dan lintas
menjaga dia dari binasa
menempuh jalan tiada kandas

Syeikh itu bila dipandang
hati teringat kepada Allah
syeikh itu menyampaikan
seorang hamba kepada Tuhan



Berat & Taklif Bagi Yang Bertasawuf

9 Februari 2012

Berat & Taklif Bagi Yang Bertasawuf – Ringan & Kemuliaan Bagi yang Dipilih & Dituntun ALLAH

أعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم. بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد وعلى آله وصحبه وسلم تسليما إلى يوم الدين.

Segala pujian bagi ALLAH yang menuang minuman mahabbahNya ke hati para dan jiwa para ‘arifin, Dia mengurniai mereka persalinan perlindungan dan penjagaan, Dia menerangi sirr mereka dengan gugusan mentari tauhid dan makrifatNya. Selawat dan salam keatas Saiyidina

wa Maulana Muhammad nabi yang ummiy, yang telah diistimewakan oleh ALLAH dengan inti segala keistimewaan kurniaNya, dan disempurnakan Baginda dengan inti kesempurnaan inayatNya, selawat dan salam buat ahli keluarga dan para sahabat Baginda yang merupakan suria hidayat, beserta para pengikut mereka hingga ke hari pembalasan.

Perkara yang menjadi sebab saya menulis artikel kali ini adalah lawatan saya [baru-baru ini] ke sebuah negara besar Islam. Alhamdulillah syukur kepada ALLAH yang telah memberi kesempatan. Waktu lawatan yang bertarikh penghujung tahun 2011 itu satu persidangan Islami antarabangsa sedang berlangsung dengan tema "Twins of Faith – Ilmu & Amal Islami". Sumber yang memberitahu saya berkata dia adalah salah seorang peserta dan persidangan tersebut telah dihadiri hampir 3000 peserta dan berlangsung selama dua hari. Kebanyakan speaker nya adalah tamu luar negara… mungkin cuma satu atau dua orang saja speaker tempatan.

Kesemua speaker atau majoritinya adalah saudara baru… baru saja memeluk Islam atau sudah lama dan setelah melepasi umur baligh… maksud saya bukan Islam sedari lahir, atau dengan istilah yang lebih popular CONVERTED MUSLIMS.

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُل لَّا تَمُنُّوا عَلَيَّ إِسْلامَكُم

"Mereka mengira diri mereka berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tanpa melawan dan tidak menentang). Katakanlah (kepada mereka): "Janganlah kamu mengira keIslaman kamu itu sebagai budi kepadaku..."- Al-Hujurat: 17

Semua mereka merasakan diri masing-masing sebagai ulama, para imam dan masyaikh yang menjadi tokoh-tokoh kepada umat Islam, mereka merasakan diri merekalah para da'ie hakiki yang mewakili agama baru ini -yaitu agama yang mereka cipta untuk masyarakat-

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ اللَّهَ بِدِينِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Katakanlah (kepada orang-orang "A'raab" itu (wahai Muhammad): "Patutkah kamu hendak memberitahu kepada ALLAH tentang ugama kamu (dengan berkata: Kami telah beriman?! Padahal ALLAH mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan ALLAH Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu"- Al-Hujurat 16

وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِم مَّا كَانُواْ يَفْتَرُونَ

"... mereka sebenarnya telah diperdayakan dalam ugama mereka oleh dakwaan-dakwaan dusta

yang mereka ada-adakan"- Aali 'Imran:24

وَلِيَلْبِسُواْ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ

"... dan untuk mengelirukan manusia ramai mengenai ugama mereka"- Al-An'aam:137

…dan para speaker itu mendakwa bahawa mereka faham segala martabat dan tingkatan yang ada pada Islam, Iman dan Ehsan.

Tak tahukah kamu bahawa ALLAH Taala telah berfirman kepada seluruh ummah - yang besar dan kecilnya, yang alim dan jahilnya, yang awliya' dan golongan mungkirnya bahawa

وَمَا أُوتِيتُم مِّن الْعِلْمِ إِلاَّ قَلِيلاً

"...tidaklah kamu diberi ilmu melainkan sedikit"- Al-Isra':75

dan sedikit disisi Tuhan kita Azza Wajalla maknanya tiada nilai...

Kita dan seluruh kaum Muslimin yang menerima Islam dari perkahwinan halal antara kedua orang tua kita dan dari penyusuan halal dari ibu-ibu kita… kita amat gembira dengan islamnya para saudara baru tersebut kerana ALLAH Taala telah menyelamatkan mereka. Mereka pula wajib untuk bersyukur tidak putus-putus

kepada ALLAH dan lagi wajib mereka memuji-muji ALLAH setiap waktu kerana ALLAH jualah yang telah memberi mereka hidayat dan melapangkan dada mereka untuk menerima agamaNya.



"Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi ALLAH ialah Islam"- Aali 'Imran: 19

Saudara baru kita ini baru sehari masuk Islam sudah menggelar diri sebagai AL-IMAM, atau memilih untuk dipanggil sebagai AS-SYEIKH, atau suka dirinya digelar dengan istilah baru yang dahulu tak pernah ada yaitu PENDAKWAH ISLAM terkemuka atau terkenal.

APAKAH FAKTOR YANG MENDOKONG GEJALA INI???!!!

APAKAH KERANA PENTAS DAKWAH ISLAM SUDAH KETANDUSAN ORANG DEWASA YANG SEPATUTNYA LEBIH RAMAI DARI ANAK-ANAK HINGUSAN ITU, ATAU INI ADALAH MUKADDIMAH KEPADA AL-MASIKH DAJJAL?

[Wahai CONVERTED MUSLIMS], tahukah kamu bahawa kesan dan pesan dari agama-agama lama kamu masih ada dalam hati kamu dan ia TAKKAN HILANG begitu saja melainkan setelah kamu menjalani mujahadah hati yang berat dan panjang dalam mengamal zikir selama bertahun-tahun dengan

dibimbing oleh seorang mursyid lagi syeikh kamil berserta dengan khidmat kepada beliau... itupun DENGAN HARAPAN [segala kesan agama lama dari hatimu] terhapus dengan berkat khidmat dan dampinganmu kepada syeikh murobbi ini.

Demikianlah telah berlangsungnya persidangan tersebut wahai tuan-puan sidang Muslimin yang amat cemburu terhadap agama, lagi mempertahankan Islam, Iman dan Ehsan kita.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ اتَّقُواْ اللّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوتُنَّ إِلاَّ وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu bertaqwa kepada ALLAH dengan sebenar-benar taqwa, dan janganlah kamu mati melainkan dalam ugama Islam"- Aali 'Imran:102

Sila ambil perhatian wahai sidang penjaga syiar-syiar agama dan segala simbol kesuciannya sebelum, semasa dan selepas kebarangkalian kita kehilangan sisi zahir atau material kita, atau ia diragut dari kita, atau kita samar dalam menilai yang hak dan batil…

…bahawa adalah menjadi kewajiban kita menjaga dan memepertahankan sisi maknawi atau yang diistilah kan sebagai alam makna yang bersifat kekal – yang lebih baik kita mati dari kehilangannya. Menjadi kewajiban kita untuk tidak memberi wewenang dan

tidak mendengar kepada mereka yang mempertikai segala dasar [agama] kita yang sabit dan aqidah kita yang sudah muktamad, tidak kira sama ada yang mereka bangkitkan itu tentang had dan tempat kedudukan, atau kefahaman mereka yang sempit dan ekstrim, atau meperkecil dan merendah-rendahkan, atau mempertikai, atau merosakkan imej, atau takfir (mengkafirkan)

terhadap ALLAH Subhanahu wa Taala

terhadap Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

terhadap para ikhwan Baginda kalangan Nabi dan Rasul عليهم السلام

terhadap Ahlul Bait Baginda عليهم الصلاة والسلام

terhadap seluruh Sahabatnya رضوان الله عليهم أجمعين

terhadap para ummahatul mukminin isteri-isteri junjungan Baginda Nabi kita عليه الصلاة والسلام yang merupakan ibu-ibu kepada seluruh mukminin

dan terhadap seluruh solihin kalangan umat Baginda صلى الله عليه وسلم

PARA ASKAR UPAHAN - saya tidak ketemu kata sifat yang sesuai untuk mereka melainkan dengan istilah ini, dan setelah menjaga batas-batas adab kesopanan kerana Islam agama kita sepenuhnya adalah adab dan aadab… para NEW CONVERTED MUSLIM dalam

persidangan itu berkata:

"Bahawa ALLAH itu bertempat hanya di langit, siapa yang berkata selain ini adalah dusta…"

Tolonglah -demi Allah- saudara saudari semua macam mana caranya kita nak memahamkan orang bersifat tolol dan jahil seperti ini?! Dari mana dia dapat statement nya ini?! Para ulama' amilin telah pun membantah dan menjawab masalah ini dengan panjang lebar dan menghukumkan bahawa orang yang mengucapkan kata-kata ini sebagai melanggar ijmak (kesepakatan ulama' mujtahidin). Dan barangsiapa melanggar ijmak maka hukum baginya sedia maklum dan tercatat dalam kitab-kitab agama.

[Mereka berkata lagi] "Bahawa Muhammad Rasulullah adalah seorang yang baik, dia dipilih ALLAH ketikamana ALLAH perlu untuk mengutus seorang rasul. Muhammad sekarang sudah mati dan tidak dapat memberi apa-apa manfaat atau mudharat".

Tuan-tuan sekalian, sampai bilakah mereka mahu menyakiti Rasulullah sollalahu 'alaihi wasallam dan muslimin muslimat dengan ucapan-ucapan bodoh lagi kosong , tidak benar, tak dapat diterima dan tak patut dibicara sebegini....

Para ulama 'amilin telah menjawab dan membantah kenyataan ini dengan jawaban yang mudah lagi jelas beserta dalil dan keterangan. Wahai para muslimin muslimat, ketahuilah bahawa kata-kata mereka ini

adalah aib lagi haram dan boleh membawa kepada kufur wal'iyazu billah. Saya mohon tuan-puan sekalian membaca kitab-kitab rujukan asal [mengenai perkara ini].

[Mereka berkata lagi bahawa] :"Tasawuf adalah syirik, pengamal tasawuf takkan diampun ALLAH. Tasawuf adalah rekaan kaum 'Ubaidiyyun Fathimiyyah. Tasawuf adalah kufur yang paling merbahaya dan dosa yang tiada ampunnya".

Tasawuf adalah Ehsan... Tasawuf adalah kemuliaan akhlak. Bagaimana kamu sampai mengingkari rukun ketiga ini dan membuangnya. KAMU SIAPA?

Tasawuf adalah jihad melawan nafsu... yaitu jihadul akbar (jihad yang paling besar). Barangsiapa bermujahadah dia akan musyahadah. barangsiapa merasa zauq dia beroleh makrifat.

Dipenghujung artikel saya akan membahas topik yang sulit ini, biarpun sulit namun ia punya rijalnya, punya muridnya dan para pecintanya dan ia punya daulatnya yang tersendiri di dunia dan akhirat.

[Mereka berkata lagi bahawa]: "Para wali dan solihin ini semua cerita khurafat dan karut marut yang tiada asalnya. Gelar yang bermacam bunyi seperti wali ghaus, wali quthb, wali abdal dan nujaba' itu semua kerja syaitan..."

Dari mana kamu belajar kebiadaban dan sikap

kurang ajar ini? Dari mana kamu dapat dusta yang besar ini? Siapa lagi yang mengajar kamu keingkaran ini kalau bukan si mal'un Iblis bapak keingkaran.

Segala ilmu yang kamu tak tahu akan kamu ingkari dan kamu hukum kafir kepada ahlinya.

Sesungguhnya awliya' ALLAH adalah para pengantin Ar-Rahman subhanahu wa taala. Takkan mungkin bagi para penjahat dan penjenayah dapat memandang kepada keindahan seri, kesempurnaan dan gemilangnya para awliya'. Belumkah kamu membaca ayat ini:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُم مِّن الْعِلْمِ إِلاَّ قَلِيلاً

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah (wahai Muhammad): "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja"- Al-Isra': 85

Selama dua hari itu mereka membentang cakap-cakap kosong dan salah dalam salah. Fokus serius mereka adalah point-point yang telah saya catat diatas.

Sidang pembaca tahukah berapa yang mereka dapat (atau boleh jadi yang mereka kongsi bersama) melalui persidangan dua hari yang tidak menyediakan makan

minum itu? Sumber memberitahu saya SERATUS RIBU EURO.

Jadi nama yang sesuai untuk mereka adalah ASKAR UPAHAN - motif mereka adalah wang.

MASUK AKALKAH INI? SEDANGKAN TUHAN KITA TELAH BERFIRMAN DALAM KITABNYA YANG MULIA:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلَ اللّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِ ثَمَنًا قَلِيلاً. أُوْلَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلاَّ النَّارَ وَلاَ يُكَلِّمُهُمُ اللّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ.

"Sesungguhnya orang-orang yag menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab suci yang telah diturunkan oleh ALLAH, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan ALLAH tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya"- Al-Baqarah:174

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلاً أُوْلَئِكَ لاَ خَلاقَ لَهُمْ فِي الآخِرَةِ

وَلاَ يُكَلِّمُهُمُ اللّهُ وَلاَ يَنظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

"Sesungguhnya orang-orang yng mengutamakan keuntungan dunia yng sedikit dngan menolak janji ALLAH dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat, dan ALLAH tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya"- Aali 'Imran: 77

وَاشْتَرَوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلاً فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ

"...dan mereka menukar kalamullah dan janjiNya dengan mengambil faedah dunia yang sedikit. maka amatlah buruknya apa yang mereka dapati dari penukaran itu"- Aali `Imran: 187

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُواْ نَصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يَشْتَرُونَ الضَّلاَلَةَ وَيُرِيدُونَ أَن تَضِلُّواْ السَّبِيلَ

"Tidakkah engkau memerhatikan (Wahai Muhammad) orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari kitab, mereka memilih kesesatan

(dengan meninggalkan pertunjuk Tuhan), dan mereka pula berkehendak supaya kamu juga sesat jalan"- An-Nisa': 44

Dikeranakan ini dan itu semualah saya telah menjawab secara sindiran dan terus terang, secara yang ringkas dan padat Insya ALLAH. Semua yang saya jawab itu tertulis dalam kitab-kitab, ada dalam internet, ada pada para masyaikh yang kamil, ada pada ahli-ahli sufi yang muhaqqiqin dan para murid sejati, ada pada tiap zawiyah tasawuf.

Jawapan saya kepada kamu sekalian merupakan pukulan maut dan mudah saja pada kesempatan ini kerana kita semua dalam bulan maulid, bulan kelahiran junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad sollalhu 'alaihi wa sallam.

Seluruh alam dan buana mayapada bergembira dan meraikan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah sollahu 'alaihi wa sallam.

==================

Motto Persidangan kamu : "Twins Faith - ILMU dan AMAL..."

ILMU apa yang nak kamu sampaikan dan dari mana kamu dapat ilmu ini? Tak tahu malukah kamu pada diri sendiri?!

Ilmu jauh dari kamu. Ilmu adalah nur yang sifatnya akan menjauhi yang bukan ahlinya, ilmu hanya akan

menetap di hati yang bertaqwa lagi murni dan suci.

Ketahuilah bahawa ilmu itu lambat untuk dijinakkan, jauh nak dicapai, berolehnya bukan kerana ada saham, nak mendapatnya bukan dari mimpi dan bukan boleh diwarisi dari nenek moyang dan paman kerabat.

Sesungguhnya ilmu adalah pohon tani yang takkan tumbuh subur melainkan dengan dijaga pertumbuhannya. Ia hanya dapat ditanam di dalam diri dan tak dapat diairi melainkan dengan mengaji dengan duduk bersesak-sesak di majlis ulama' yang beramal. Aduh malangnya nasib diri manakah pula adanya ulama' jenis ini???

mereka telah menghilang diri, atau disuruh untuk bersembunyi -kerana mereka tak mungkin tiada- cuma kewujudan mereka amat jarang adanya di zaman ini

Ilmu itu takkan berhasil melainkan duduk sampai bersandar batu, baring sampai berhampar lumpur, mengosongkan hati dan fikiran dari selainnya dan duduk belajar berjam-jam tidak jemu.

Terus berjaga malam, sedikit tidur dan sambung menyambung siang dan malam -kerana penuntut ilmu itu kehausan... sesudah itu barulah tercapai mesra dan kelazatan.

Ilmu itu takkan tercapai melainkan oleh orang yang bersengkang mata duduk mengadap kitab dan buku,

mengulangkaji, menghafal dan faham.

Apakah orang yang siangnya sibuk menumpuk harta dan malamnya masyghul dengan jimak akan bergraduan menjadi ahli feqah dan ulama?!

TIDAK DAN DEMI ALLAH TIDAK! - Astaghfirullah saya berkata ini bukanlah nak menyempitkan kurnia Tuhan yang Maha Luas pemberian, tapi inilah yang saya dengar dari para junjungan.

Adapun kata mereka yang dimuliakan ALLAH azza wajalla beroleh ilmu yang bermanfaat:

قَالَ الَّذِينَ أُوتُواْ الْعِلْمَ إِنَّ الْخِزْيَ الْيَوْمَ وَالْسُّوءَ عَلَى الْكَافِرِينَ

"(pada ketika itu) berkatalah orang-orang yang beroleh ilmu pengetahuan: "Sesungguhnya kehinaan hari ini dan azab seksa, adalah tertimpa kepada orang-orang yang kafir"- An-Nahl: 27

Dan AMAL pula takkan sempurna tanpa mujahadah melawan nafsu, kemudian menyalahi kehendak hawanya, kemudian sanggup derita meninggalkan dunia seterusnya meninggalkan kelazatan dan bersedap-sedap dengannya.

Adapun soal adab -yang kamu tidak tahu dan takkan pernah tahu mengenainya melainkan dengan berdamping kepada ahli adab dengan dampingan

zahir dan batin- itulah dia tasawuf islami dan ahli adab adalah ahli maqam Ehsan.

Setiap amalan yang tidak disertai adab padanya adalah amalan yang tertolak, tidak makbul dan kurang nilai. Kerana inilah penghulu kewujudan Saiyidina wa Maulana Muhammad sollalahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

“Demi sesungguhnya aku diutus adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”.

lagi ALLAH subhanahu wa taala berbicara kepada junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad sollalahu ‘alaihi wa sallam:

وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ

“Dan Bahawa Sesungguhnya engkau (ya Muhammad) mempunyai akhlak yang amat agung”- Al-Qalam: 4

lalu bersabdalah pula junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad sollalahu ‘alaihi wa sallam :

أدبني ربي فأحسن تأديبي

“Tuhanku telah mengadabkan aku, lalu dengan baik Dia telah mengadabkan ku”.

===============

Saya mohon saudara-saudari Converted Muslims sekalian untuk memahami, berpegang kepada adab dan carilah orang yang dapat memberi didikan adab kepadamu kerana kami menyayangimu, semata-mata yang kami mahu adalah kamu menjadi golongan Muslimin DAN BUKANNYA MENJADI PARA MASYAIKH, PENDAKWAH DAN SYEIKH MURSYID.

Mari kita sama-sama membaca petikan dibawah:

Apakah yang diertikan oleh junjungan kita para ahli sufi radhiyallahu ‘anhum ajma’in dalam ucapan mereka: ilmu Syariat, ilmu Tareqat dan ilmu Hakikat.

Maksud mereka ialah : Islam, Iman dan Ehsan (yang merupakan tiga tingkatan maqam bagi agama Islam yang sempurna ini).

Dalam ertikata lain: Feqah, Tauhid dan Tasawuf,

atau Ilmu, amal dan Adab

atau mereka istilahkan juga sebagai : Al-Mulk, Al-Malakut dan Al-Jabarut.

Feqah (Syariat) memberi penjelasan kepada maqam pertama yaitu maqam Islam yang bersamaan dengan alam Al-Mulk yang bersangkutan dengan jasad insan.

Tauhid pula memberi penjelasan kepada maqam kedua yaitu Iman yang bersamaan dengan alama Al-Malakut yang bersangkutan dengan hati insan.

Manakala Tasawuf pula memberi penjelasan kepada maqam ketiga yaitu Ehsan yang beramaan dengan alam Al-Jabarut ('alamul amri) yang bersangkut paut dengan roh/rohaniah insan.

Bilamana seorang murid (penuntut jalan menuju Allah) menjalani riyadhah (latihan jiwa) dan mujahadah (melawan nafsu) dengan asuhan tareqat dari syeikh lagi guru mursyidnya maka hijab-hijab yang selama ini menghalang murid mula tersingkap satu persatu. Untuk menjelaskan perkara ini saya beri contohnya:

1- Makan adalah satu sifat jasad, apabila murid mengurangkan makan akan terangkatlah hijab-hijab yang menghalang. Demikianlah juga dengan

2- Tidur

3- Banyak cakap

4- Bercampur gaul dengan manusia ramai

empat sifat ini adalah perhiasan badan insan yang mana jika dia meninggalkannya atau banyak menguranginya seperti melalui amalan berpuasa,

menyedikitkan tidur dengan berjaga malam, menyedikitkan berkata-kata, menyedikitkan bercampur gaul dengan manusia ramai melalui amalan uzlah dan khalwah, dia tidak mencampuri manusia melainkan untuk urusan-urusan yang perlu dalam menjalani kehidupan dan keperluan ahli keluarganya.

Apabila ini dilakukan maka lepaslah ikatan jisim/ badan dari roh. Ini amat penting dilakukan dalam perjalanan menuju ALLAH Subhanahu wa Taala.

Dan apabila amalan tadi ditambah pula dengan meninggalkan adat kebiasaan diri seperti keluh kesah dengan musibah,

sibuk dan rungsing dengan segala macam lintasan fikiran dan waswas,

rindu dan keinginan untuk mengetahui segala macam perkhabaran manusia dan hal ehwal mereka,

takut kepada selain ALLAH dan mengharap kepada segala makhluk,

makan dengan syahwat dan gelojoh dan tanpa keperluan

dan lain-lain lagi sikap kebiasaan diri dan tabiatnya seperti gembira dengan yang sirna dan putus asa dari yang tak kelihatan dan lain-lain lagi

maka akan bebaslah roh/rohaniah dari penjara tabiat dan terbanglah ia di angkasa alam arwah.

Jika itu ditambah lagi dengan meninggalkan ukuran akal dan timbangan dalil dalam memahami segala perkara maka segala perkara itu akan menjelma kepada si murid sepertimana hakikat sebenarnya

Dia akan musyahadah dengan hatinya dan makrifat dalam dirinya

Segalanya takkan terhijab lagi darinya, tempat dan masa tidak lagi menjadi halangan buatnya

Boleh jadi segala benda dapat dilihat hakikatnya dengan mata kasar si murid sejati jika ada cahaya hati pada matanya. Ini adalah kurnia dari ALLAH azza wa jalla kepadanya kerana tahqiqnya dengan ayat:

فَفِرُّوا إِلَى اللَّهِ إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ

"Hendaklah kamu lari kepada ALLAH, sesungguhnya aku memberi amaran yang jelas kepadamu mengenai [azab]Nya".

Disini sukalah saya untuk menyampaikan satu faedah besar dan kefahaman khas yang tak dapat dicapai melainkan dengan jalan suhbah dan mujahadah. Contohnya soal berjagaa malam; para junjungan ahli sufi yang muhaqqiqin -moga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniakan kita kemaanfaatan dari mereka- berkata:

إن سهر الأُنس ما يضر

"Berjaga malam yang kemesraan itu tidak mendatangkan mudharat"

Kerana tabiat tidur ialah dingin dan lembab, begitu juga tabiat mesra dingin dan lembab, maka dua subjek yang sama tabiat ini jika salah satunya tiada ia tidak menjadi mudharat kepada insan kerana yang satu lagi ada dan mengambil tempatnya.

Maka itulah halnya para arifin = masyaikh yang kamil kerana mesranya merekaa dengan kekasih hakiki berjaga malam tidak memberi mudharat kepada mereka.

Mari kita menutup artikel ini dengan melihat kepada syarah hal keadaan seorang syeikh agung kita As-Syeikh Al-Kamil Ahmad Bin Zarrouq -radhiyallahu 'anhu wa radhiya bihi 'alaina-

Beliau berbicara tentang dirinya, bagaimana mujahadah dan penderitaan yaang ditanggungnya dalam perjalanan untuk sampai kepada ALLAH subhanahu wa taala. As-Syeikh -radhiyallahu 'anhu wa nafa'ana bihi- berkata:

"Aku menuntut ALLAH Al-Haqq Subhanahu wa Taala, segala cara dan jalan untuk merawat nafsu pun telah ku gunakan [demi tujuan itu], segala yaang termampu telah aku kerjakan demi mencapai redho ALLAH Subhanahu wa Taala.

Tapi setiap kali aku mencuba satu jalan untuk mendampingiNya ternyata jalan itu menjauhkan aku dariNya

Tiap kali aku cuba satu cara buat merawat nafsuku ternyata nafsuku makin menjadi-jadi

setiap aku bertawajjuh menuju redho ALLAH subhanahu wa taala semakin ternyata pula tidak sempurnanya amalanku

Maka pasrahlah aku kepada ALLAH pada segala-galanya lalu ternyatalah padaku bahawa asal kegagalanku selama ini adalah dari penyakit melihat kepada sebab-musabab.

Aku pun segera menyerah diri lalu keluarlah dariku sifat melihat kepada kewujudan diri – yang merupakan kepala segala penyakit

Lalu aku pun melempar diriku dihadapan ALLAH subhanahu wa taala dengan tidak membawa apa-apa daya dan upaya.

Maka dengan tahqiqnya sohehlah pada diriku bahawa keselamatan dari segala perkara itu ialah dengan berlepas diri dari segala perkara itu sendiri

Dan keberuntungan dari segala perkara itu ialah dengan kembali merujuk kepada ALLAH dalam tiap perkara…”

*(*terjemahan artikel ini masih ada sambungannya)*.



Manaqib Quthb Awliya Al-Imam An-Nawawi

3 Februari 2012

Sumber Air Yang Hening Murni Pada Manaqib Quthb Para Wali Al-Imam An-Nawawi

بسم الله الرحمن الرحيم وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليما إلى يوم الدين

Tuan puan sidang pembaca budiman dipersilakan untuk merenung kata pengantar yang amat indah dari kitab المنهل العذب الروي في ترجمة قطب الأولياء النووي (Sumber Air Yang Hening Murni Pada Manaqib Quthb Para Wali Al-Imam An-Nawawi) yang ditulis oleh saiyidina syeikhul Islam, seorang imam pendeta nan tangguh, yang ‘alim lagi ‘allamah, ilmunya bak laut

kefahaman nan luas, pemelihara sunnah nabawiyyah yang bagai urusetia perkhabaran Muhammadiyyah; As-Syeikh Syamsuddin Abul Khair Muhammad Bin Abd. Rahman As-Sakhawi Al-Masri As-Syafie semoga ALLAH meredhoinya beserta kedua orang tuanya, anak-anaknya, para ahbabnya dan seluruh solihin. Allahumma amin.

Harapan saya kepada semua ahbab agar mengkaji kitab ini kerana pengarangnya Saiyidina As-Sakhawi banyak mengutarakan isyarat didalamnya dan beliau adalah satu sosok peribadi yang bukan calang-calang pada ilmu dan amalnya, adab dan tasawufnya, mahabbahnya yang agung dan takzimnya yang besar ke hadrat junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulillah صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم .

Hinggakan pada kitabnya ini pengarang merawikan khabar mimpi orang bertanya kepada Imam An-Nawawi selepas kewafatan beliau mengapa tuan tidak menukil dari kitab-kitab As-Syeikh Ibnu Hazm, maka jawab sang Imam: Aku tidak suka padanya.

Khabar mimpi itu selengkapnya disebut dalam kitab dan kitabnya ada di internet.

Begitu juga mengenai As-Syeikh Az-Zahabi; pengarang menyebut namanya sebagai Al-Hafiz Az-Zahabi, menukil darinya, menghormatinya namun pengarang tidak sependapat dengan syeikh dalam isu Tasawuf.

Demikian pula mengenai As-Syeikh Ibnu Katsir; pengarang menyebut namanya sebagai Al-Hafiz Ibnu Katsir -tidak lebih dari itu- disamping turut menukil sedikit dari syeikh dan tidak memujinya.

Adapun mengenai As-Syeikh Ibnu Taimiyyah maka beliau ini tidak langsung disebut oleh pengarang seolah-olah tidak wujud Ibnu Taimiyyah itu dikalangan syuyukh. Ini kerana Al-Hafiz Ibnu taimiyyah telah melanggar ijmak Ahlis Sunnah Wal Jamaah bilamana dia mengingkari permusafiran untuk menziarahi Saiyidina Rasulillah صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم dan dialah orang pertama mengingkari dan mengkritik isu tawassul dan wasilah kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم dan tidak dia didahului oleh sesiapa dalam isu ini.

Satu kenyataan ini saja sudah cukup bagi mereka yang mengkaji dan mahu memahami. Alhamdulillah was syukru lillah.

Alim-ulama besar dan para awliya' agung yang lain juga turut bangun membatalkan segala perkataan As-Syeikh Ibnu Taimiyyah dengan dalil-dalil aqli dan naqli serta logika dan mantik lalu dengan jelas membuktikan dia salah dan menjadi pembawa fitnah hingga hari kiamat. Antara mereka adalah Amirul Mukmini dalam ilmu hadis; Syeikhul Islam Saiyidina Ibnu Hajar Al-Asqalani, Syeikhul Islam Qadhil Qudhah Saiyidina Taqiyyuddin As-Subki dan himpunan fatwa beliau,

As-Syeikh Al-Kamil Saiyidina Abd. Qadir Al-Fasi dan ramai lagi.

Antara mereka juga Syeikhul Islam di zamannya Saiyidina Ibnu Atho'illah As-Sikandari As-Syazili, debatnya dengan As-Syeikh Ibnu Taimiyyah diketahui ramai dapat dicapai di internet dimana Saiyidina Ibnu Atho'illah berkata kepadanya apa yang engkau ucapkan wahai faqih?

Beliau menasihatinya dan bersimpati dengannya, kata beliau kepadanya: Bagaimana engkau mengucapkan segala perkataan ini pada hak Saiyidina Muhammad? Dari mana engkau beroleh kata-kata sebegini dan mana dalilmu lagi bagaimana engkau memahami segala nas itu? Apa masalahmu wahai si faqih sampai engkau tidak beradab sopan dengan seorang syeikh sedangkan engkau banyak menghafaz?

Inilah sebabnya dia dipenjara dengan keputusan sebulat suara dari para ulama dan pemerintah dan meninggal dunia dalam tahanan. Inilah hakikatnya.

Puncanya adalah sikap pongah dan berani-beraninya dia mengkritik Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم , dia melawan ijmak ulama ummah yang salaf dan khalaf, dia menyalahi segala gurunya dan alim-ulama zamannya.

Silakanlah tuan puan belek kitab-kitab klasik dan bacalah tentang alim-ulama sezaman dan selepas Syeikh Ibnu Taimiyyah; apa kata mereka tentangnya.

Saya catat di ini sebagai amanah sejarah;

As-Syeikh Solahuddin As-Sofadi yang merupakan siswa kepada As-Syeikh Ibnu Taimiyyah juga siswa kepada As-Syeikh At-Taqiy As-Subki menulis dalam kitab A'yanul 'Ashr Wa A'wanun Nashr:

"Ibnu Taimiyyah dengan tunggalnya membicarakan masalah-masalah yang aneh-aneh, pada masalah-masalah itu beliau memenangkan pendapat-pendapat lemah yang dipandang aib oleh jumhur ulama', hampir saja beliau terjerumus ke jurang dengan sikapnya ini, sanya diharapkan dari niatnya yang baik bahawa beliau terselamat dari jurang itu.

ALLAH Taala yang terlebih mengetahui apa maksud beliau dan apa-apa dalil yang dilihatnya sebagai lebih kuat menjadi pegangannya, betapa ia merosak pegangan yang benar seperti masalah ziarah sedangkan tidak sebabnya perkara sebegini [terang] dipersoal.

Dikeranakan itulah beliau masuk menjadi tahanan dalam benteng kota, kawan baiknya menjauh diri darinya, keluarnya dari tahanan hanya setelah sakit pening yang membuat badannya bongkok, keluar dari tahanan tidaklah pula membawanya melainkan pindah ke tanah kering kerontang".

Inilah yang ditulis oleh As-Syeikh As-Sofadi selepas pujian berjela-jelanya kepada As-Syeikh Ibnu Taimiyyah.

...Sebab inilah muncul kembali fitnahnya dengan amat dahsyat di zaman sekarang… inilah permulaan keluarnya Dajjal.

Tidak ada takzim dan tidak ada penghargaan kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم dan ahli keluarga Baginda, seluruh sahabatnya, isteri-isterinya dan para solihin dikalangan umatnya.

Tiada lagi agama… tiada lagi Islam… tiada lagi Ehsan.

Allahumma sesungguhnya kami mohon perlindunganMu dari fitnah Al-Masikh Dajjal, kami ini tiada daya upaya melainkan dengan kehendakMu jua ya ALLAH yang Maha Tinggi lagi maha Agung.

Semua orang hanyut entah kemana, semuanya lena dan mengambil entah dari mana tanpa akal waras, tanpa mata dan hati, tanpa ilmu dan amal, tanpa adab dan agama melainkan orang yang dirahmati ALLAH serta beroleh taufik dan keselamatan dariNya.

Ya Robbi sibukkan para penzalim sesama penzalim, keluarkan kami dari mereka dengan selamat, keuntungan, gembira dan beroleh berita yang menyukakan hati.

Allahumma rahmati kami dan kembalikan kami kepadaMu dengan tuah kekasih pilihanMu Saiyidina Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم.

Tunaikanlah ya Robbi biarpun mereka yang sombong takbur tidak menyukai, biarpun mereka yang degil menentang, yang jahil, yang benci, yang fasik, yang munafik dan kafir tidak menyukai.

====================

Saiyidina As-Sakhawi berkata di dalam kitabnya:

"Segala puji bagi ALLAH yang telah memberi kurnia landasanNya nan terang kepada para rijal yang menempuh perjalanan tarbiyyah. Merekalah kaum yang apabila disebut-sebut tentang mereka majlis akan harum mewangi dan hati sanubari menjadi hidup.

ALLAH mengurnia futuh kepada mereka lalu membukakan bagi mereka segala kunci-kunci perbendaharaan dan mereka pula menginfak dari perbendaharaan itu maka bertambah-tambahlah kesukaan kerana mereka berada di perkebunan bahkan di taman-taman akhirat dan dunia.

ALLAH menjadikan mereka tiang rujukan perkara kebenaran dan penjelasan, kepada mereka jua beroleh segala penyelesaian dari kesulitan hari berlalu, dek kerana itulah tiada keringanan disisi mereka dalam soal menegakkan pilar-pilar agama, melainkan mereka menegakkannya dengan keterangan yang paling jelas beserta tahqiq yang kukuh.

Aku memuji-mujiNya atas petunjuk yang menjurus perhatian kepada sunnah yang didalamnya taman

para arifin. Aku bersyukur kepadaNya kerana dengan usul dan dasar yang jelas senanglah hati para Muslim tersemat yakin.

Aku memohon pertolonganNya dalam memahami segala masalah, ku pohon petunjukNya dalam menempuh perjalanan ahli kewalian, ku minta dariNya akan taufik untuk mengkhabar segala keramat mereka dengan dalil-dalil yang terang.

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan ALLAH, lagi tiada sekutu bagiNya, Dialah Tuhan bumi dan langit. Aku bersaksi bahawa Saiyidina Muhammad adalah hambaNya dan RasulNya pemilik mukjizat yang mengkagumkan. ALLAH berselawat keatas Baginda dan ahli keluarganya, para sahabatnya dan para pengikut mereka pada tiap gerakan dan diam, dengan selawat dan salam yang kekal waktu hayat dan selepas kematian…"

Kemudian dari itu berkatalah Sidi As-Sakhawi dalam kitabnya ini:

"Maka inilah satu juzu' yang ku penuhi padanya ehwal Syeikhul Islam jua Imam para imam lagi quthb bagi sekalian awliya' yang muliawan, seorang ahli zuhud yang sangat nadir keberadaannya lagi amat warak dalam hidupnya, yang amat bersunguh-sungguh mengerjakan segala amalam puasa dan qiyam, lagi berdiri mengkhidmati ALLAH Al-Malik Al-'Allam; yaitu Saiyidi Muhyiddin An-Nawawi -moga diredhoi

ALLAH akan dirinya dan semoga kita beroleh redho ALLAH dengannya- Allahumma amin".

وصلى الله على سيدنا مولانا محمد وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين

MAAF : Artikel ini hanya khusus bagi mereka yang mencari kebenaran, syiarnya menurut perjalanan Saiyidina wa maulana Muhammad Rasulullah dan mahabbah kepada Baginda صلى الله عليه وسلم.

